



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

BELANJAWAN
2020

0101101100
10101101100

BELANJAWAN 2020



Kementerian Kewangan Malaysia

BELANJAWAN 2020

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 10, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA

Faks: 03-88823786
E-mel: bt2020@treasury.gov.my

Ucapan Belanjawan diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.

Edisi 2020 diterbitkan pada 11 Oktober 2019.

Naskhah jualan boleh diperoleh daripada:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin,
50554 KUALA LUMPUR
Tel.: 03-92366888/92366894
Faks: 03-92011008/92224773
E-mel: cservice@printnasional.com.my

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.treasury.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366894 Faks: 03-92224773

Kandungan

	Muka Surat
PENDAHULUAN	2
PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI	3
TEMA BELANJAWAN 2020 – MEMACU PERTUMBUHAN DAN KEBERHASILAN SAKSAMA KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA	4
TERAS PERTAMA : MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DALAM EKONOMI BAHARU DAN ERA DIGITAL	5
- Strategi 1 : Menjadikan Malaysia sebagai Pilihan Utama Destinasi Pelaburan	5
- Strategi 2 : Mempercepat Ekonomi Digital	10
- Strategi 3 : Memperkukuh Akses kepada Pembiayaan Perniagaan	14
- Strategi 4 : Mengukuhkan Kepelbagaian Ekonomi	18
TERAS KEDUA : PELABURAN KE ATAS RAKYAT: MENINGKATKAN KEUPAYAAN MODAL INSAN	25
- Strategi 5 : Meningkatkan Peluang Pekerjaan untuk Rakyat Malaysia	26
- Strategi 6 : Memodenkan Pasaran Buruh	28
- Strategi 7 : Pelaburan dalam Pendidikan dan Bakat	30
TERAS KETIGA : MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG BERSATU, INKLUSIF DAN SAKSAMA	34
- Strategi 8 : Pembangunan Inklusif - Peruntukan RM10.9 bilion untuk Pembangunan Luar Bandar	34
- Strategi 9 : Ke Arah Perkhidmatan Kesihatan Yang Lebih Baik	41
- Strategi 10 : Meningkatkan Ekosistem Pengangkutan	44
- Strategi 11 : Meningkatkan akses kepada perumahan	48
- Strategi 12 : Perpaduan melalui Sukan	50
- Strategi 13 : Mempromosikan Kelestarian Alam Sekitar	51
TERAS KEEMPAT : MEMULIHKAN INSTITUSI DAN KEWANGAN KERAJAAN	53
- Strategi 14 : Komitmen Terhadap Konsolidasi Fiskal	54
- Strategi 15 : Memperkukuh Institusi, Tadbir Urus dan Integriti	58
PENUTUP	61
MAKLUMAT TAMBAHAN	65
LAMPIRAN	69



YAB Tun Dr Mahathir Bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia



“Wawasan Kemakmuran Bersama membawa maksud pertumbuhan yang lebih saksama untuk negara, memberikan nilai yang lebih tinggi kepada ekonomi negara dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang kompetitif, berintegriti dan bermaruah.”



YB Tuan Lim Guan Eng
Menteri Kewangan Malaysia

“Malaysia baharu adalah milik semua tanpa mengira umur, kaum, agama, latar belakang atau geografi. Harapan inilah amanah kita.”


EKONOMI NEGARA 2020 PADA HARGA MALAR 2015




¹ Termasuk perubahan dalam stok.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

BELANJAWAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2020

DARI MANA DATANGNYA



KE MANA DIBELANJAKAN



¹ Terdiri daripada hasil dan pinjaman.

² Tidak termasuk simpanan luar jangka.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2020

OLEH

**YB TUAN LIM GUAN ENG
MENTERI KEWANGAN**

**KETIKA MEMBENTANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2020)**

**DI DEWAN RAKYAT
PADA JUMAAT, 11 OKTOBER 2019**

**“MEMACU PERTUMBUHAN DAN KEBERHASILAN SAKSAMA KE
ARAH KEMAKMURAN BERSAMA”**

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk “Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2020 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu” dibaca bagi kali kedua.

PENDAHULUAN

2. Salam Sejahtera, Salam Harapan dan Salam Sayangi Malaysiaku diucapkan kepada Tan Sri Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak Kerajaan mahupun Pembangkang, Tuan-tuan dan Puan-puan serta seluruh rakyat Malaysia yang dikasihi. Marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kerana berkat rahmat Tuhan, Malaysia kekal aman, stabil dan makmur.

3. Terlebih dahulu, izinkan saya menzahirkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi dan mengucapkan tahniah atas Pemaszyuran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16 Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

4. Saya dengan rendah hati berdiri di sini untuk membentangkan Belanjawan 2020 yang merupakan belanjawan kedua di bawah Kerajaan Pakatan Harapan. Sesungguhnya, tahun 2020 merupakan tahun yang istimewa di mana Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir bin Mohamad telah mengilhamkan Wawasan 2020 hampir tiga dekad yang lalu pada tahun 1991, bagi meraikan kejayaan negara berada di landasan yang tepat untuk menjadi negara maju. Wawasan 2020 akan berjaya jika tidak disebabkan oleh skandal kewangan, rasuah dan salah tadbir urus oleh Kerajaan terdahulu.

5. Belanjawan Pakatan Harapan pertama yang dibentangkan pada tahun 2018 menumpukan kepada konsolidasi dan rasionalisasi fiskal, reformasi institusi dan dasar berjiwa rakyat bagi memperbetulkan penyelewengan kewangan dan salah guna kuasa yang berleluasa di bawah pentadbiran terdahulu. Belanjawan 2020 dirangka bertemakan **“Memacu Pertumbuhan Dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama”**. Kerajaan komited untuk menstabilkan semula kedudukan kewangan Kerajaan, dan meneruskan matlamat Wawasan 2020 dengan trajektori pertumbuhan baharu berasaskan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir bin Mohamad.

PRESTASI EKONOMI DAN CABARAN

Tan Sri Yang Dipertua,

6. Mutakhir ini, ekonomi dunia berada dalam situasi tidak menentu, diakibatkan oleh perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan negara lain terutamanya Republik Rakyat China. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2019 daripada 3.9 peratus pada Julai 2018 kepada 3.2 peratus pada Julai 2019. Pertumbuhan Perdagangan Dunia (WTO) juga telah menurunkan unjuran pertumbuhan perdagangan barangan dunia bagi tahun 2019 daripada 2.6 peratus pada April 2019 kepada 1.2 peratus pada Oktober 2019, iaitu kadar terendah sejak tahun 2009.

7. Dalam iklim ekonomi sedemikian, sebagai sebuah negara perdagangan, tidak dapat tidak ekonomi Malaysia akan terkesan. Walau bagaimanapun, melalui dasar ekonomi dan pembaharuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, ekonomi negara akan kekal berdaya tahan. Dalam separuh pertama 2019, pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah 4.7 peratus, dengan kadar pertumbuhan suku kedua pada 4.9 peratus. Malah, Malaysia adalah salah satu daripada sebilangan kecil ekonomi di dunia yang mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi pada suku kedua berbanding suku sebelumnya.

8. Kerajaan juga telah berjaya mengawal inflasi pada 0.2 peratus dalam separuh pertama 2019, berbanding 1 peratus pada 2018 dan 3.7 peratus pada 2017. Angka-angka ini membuktikan bahawa Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan di bawah pentadbiran sebelum ini telah menyumbang dengan ketara kepada harga yang lebih tinggi. Dengan menghapuskan GST pada kadar 6 peratus pada Jun 2018 dan digantikan dengan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada September 2018, kadar inflasi negara telah berkurang ke tahap terendah sejak 2007. Bagi tahun 2019, kadar inflasi dijangka pada 0.9 peratus. Sebagai menghormati mandat yang diberikan oleh rakyat pada pilihanraya umum tahun lalu, Kerajaan tidak berhasrat melaksanakan semula GST.

9. Walaupun dalam situasi perang perdagangan, eksport Malaysia hanya menguncup secara marginal pada 0.4 peratus dalam lapan bulan pertama 2019 berbanding tahun lalu. Eksport negara dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan positif pada 2019. Dalam tempoh yang sama, Malaysia merekodkan imbalan perdagangan berjumlah RM92.5 bilion iaitu 28.7 peratus lebih tinggi daripada RM71.9 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

10. Imbalan perdagangan yang kukuh tersebut akan memastikan akaun semasa negara terus mencatatkan lebihan pada tahun ini. Keseluruhannya, imbalan pembayaran Malaysia kekal positif, dengan lebihan akaun semasa bagi 2019 dijangka berjumlah RM43.4 bilion atau 2.9 peratus daripada Pendapatan Negara Kasar (GNI). Sementara itu, sehingga 30 September 2019, rizab antarabangsa negara kekal teguh pada RM431.3 bilion atau USD103 bilion, mencukupi untuk membiayai 7.6 bulan import tertanggung dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

11. Sistem kewangan Malaysia kekal kukuh dan stabil, meskipun sepanjang tahun berdepan persekitaran global yang mencabar serta volatiliti yang tinggi dalam pasaran kewangan antarabangsa.

TEMA BELANJAWAN 2020 – MEMACU PERTUMBUHAN DAN KEBERHASILAN SAKSAMA KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA

Tan Sri Yang Dipertua,

12. Sebagai rakyat Malaysia, kita berkongsi tanggungjawab untuk membangunkan semula negara. Bagi maksud itu, sesi libat urus yang menyeluruh dengan semua pihak berkepentingan telah dilaksanakan. Selain sesi konsultasi belanjawan yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan, sebanyak 12 sesi Kumpulan Fokus telah dianjurkan secara bersama dengan Kementerian dan Kerajaan Negeri di seluruh negara yang disertai oleh 2,500 orang yang mewakili lebih 1,200 organisasi.

13. Empat teras yang menunjangi Belanjawan 2020 adalah:

PERTAMA: Memacu Pertumbuhan Ekonomi dalam Ekonomi Baharu dan Era Digital

KEDUA : Pelaburan Ke Atas Rakyat: Meningkatkan Keupayaan Modal Insan

KETIGA : Mewujudkan Masyarakat yang Bersatu, Inklusif dan Saksama

KEEMPAT : Memulihkan Institusi dan Kewangan Awam

TERAS PERTAMA: MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DALAM EKONOMI BAHARU DAN ERA DIGITAL

Strategi 1: Menjadikan Malaysia sebagai Pilihan Utama Destinasi Pelaburan

Tan Sri Yang Dipertua,

14. Semasa Yang Amat Berhormat Tun Dr Mahathir bin Mohamad pertama kali menjadi Perdana Menteri, beliau telah membawa Malaysia mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang paling pesat dalam tempoh sedekad dari tahun 1988 hingga 1997 dengan kadar purata pertumbuhan KDNK tahunan sebanyak 9.3 peratus. Ini sekaligus mengangkat Malaysia sebagai Harimau Asia dalam ekonomi dunia. Kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) bukan sahaja mewujudkan pekerjaan baharu dengan gaji yang lebih baik, menjana perniagaan baharu ke dalam pasaran dan peluang ekonomi baharu, malah turut menaik taraf struktur ekonomi Malaysia daripada ekonomi domestik berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian berorientasikan eksport.

15. Namun, pada awal abad ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia beransur perlahan kepada purata 5.1 peratus semenjak tahun 2000. Penguncupan pramatang industri (*premature deindustrialisation*) dalam ekonomi Malaysia menyebabkan struktur ekonomi semakin bergantung kepada tenaga buruh, pekerja kurang mahir dan

struktur kos yang rendah. Akibatnya, kita terus terperangkap dalam status berpendapatan sederhana dan terhindar daripada menjadi ekonomi maju berasaskan produktiviti, inovasi dan kemakmuran bersama.

Peluang daripada Perang Perdagangan

16. Perang perdagangan yang berlarutan mewujudkan peluang yang unik untuk Malaysia kembali menjadi destinasi pilihan utama bagi FDI yang mempunyai nilai tambah tinggi. Peralihan pelaburan dalam rangkaian bekalan dunia telah menyaksikan FDI yang diluluskan meningkat 47 peratus kepada RM80.1 bilion pada 2018 daripada RM54.4 bilion pada 2017.

17. Bagi separuh pertama tahun ini, FDI yang diluluskan meningkat 97 peratus kepada RM49.5 bilion daripada RM25.1 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. FDI dalam sektor pembuatan yang diluluskan daripada Amerika Syarikat mencatatkan nilai tertinggi pada RM11.7 bilion, diikuti oleh Republik Rakyat China sebanyak RM4.8 bilion. Memandangkan China merupakan rakan dagangan terbesar negara, FDI dari China sepatutnya setara dengan Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, 'Saluran Khas' bagi menarik pelaburan dari China akan ditubuhkan di bawah InvestKL.

18. Untuk mengatasi kelewatan dalam meluluskan pelaburan asing dan tempatan, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI), yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Semasa mesyuarat pertama NCI pada 28 Ogos lalu, tiga pelaburan bernilai RM2.2 bilion telah diluluskan.

19. Tahun ini, Kerajaan telah memulakan langkah untuk mengkaji secara menyeluruh dan merombak kerangka insentif sedia ada yang merangkumi Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Pakej Galakan Istimewa dan insentif di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Kerangka baharu ini dijangka akan siap pada 1 Januari 2021.

20. Kerajaan juga akan menyediakan pakej galakan pelaburan istimewa (*customised*) bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun. Ini merupakan sebahagian daripada langkah strategik untuk menarik syarikat Fortune 500 dan *global unicorns* dalam sektor berteknologi tinggi, pembuatan, kreatif dan ekonomi baharu. Sebagai syarat kelayakan, setiap syarikat perlu melabur sekurang-kurangnya RM5 bilion di Malaysia untuk menjana aktiviti ekonomi tambahan, seterusnya menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mewujudkan 150 ribu pekerjaan berkualiti tinggi dalam tempoh lima tahun serta mengukuhkan ekosistem pembuatan dan perkhidmatan.

21. Bagi mentransformasikan perniagaan tempatan yang terunggul dan berpotensi untuk bersaing dalam pasaran eksport global, Kerajaan juga akan menawarkan pakej galakan pelaburan istimewa bernilai sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh lima tahun kepada syarikat tempatan yang layak. Insentif ini adalah bersyarat dan tertakluk kepada syarikat yang dapat membuktikan keupayaan untuk berkembang dan mengeksport produk dan perkhidmatan ke seluruh dunia. Kerajaan menjangkakan langkah ini akan memperkukuh ekosistem rantaian bekalan tempatan dan mewujudkan 100 ribu pekerjaan berkualiti tinggi untuk rakyat dalam tempoh lima tahun akan datang.

22. Di samping mempercepatkan kelulusan pelaburan, Kerajaan juga akan menyediakan peruntukan tambahan RM10 juta kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) khususnya untuk meningkatkan pemantauan dan memastikan pelaburan direalisasikan selepas diluluskan.

23. Kerajaan juga akan memperkenalkan insentif cukai untuk menggalakkan lagi aktiviti bernilai tambah tinggi dalam industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) untuk beralih ke ekonomi digital berasaskan 5G dan Industri 4.0. Antaranya:

Pertama : Pengecualian cukai pendapatan sehingga 10 tahun kepada syarikat E&E yang melabur dalam perkhidmatan berasaskan pengetahuan yang layak; dan

Kedua : Elaun Cukai Pelaburan Khas untuk menggalakkan syarikat E&E sedia ada yang telah tamat tempoh Elaun Pelaburan Semula untuk terus kekal melabur di Malaysia.

24. Selain itu, bagi menggalakkan automasi sekaligus meningkat produktiviti syarikat, adalah dicadangkan:

Pertama : Elaun Modal Dipercepatkan dan Elaun Modal Kelengkapan Automasi bagi sektor pembuatan untuk syarikat yang membuat perbelanjaan ke atas RM2 juta dan RM4 juta pertama perbelanjaan modal yang layak dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2023; dan

Kedua : Galakan ini turut diperluaskan kepada sektor perkhidmatan bagi syarikat yang membuat perbelanjaan ke atas RM2 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak untuk tempoh mulai tahun taksiran 2020 sehingga tahun taksiran 2023.

Meningkatkan Daya Saing

Tan Sri Yang Dipertua,

25. Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk terus menambah baik persekitaran perniagaan di Malaysia. Salah satu pembaharuan utama yang akan dilaksanakan ialah memudahkan urusan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) dengan mengurangkan bilangan langkah yang diperlukan untuk mendaftarkan perniagaan di Malaysia.

26. Tidak dapat dinafikan bahawa pelabuhan dan sistem logistik yang berfungsi dengan baik adalah penting untuk sebuah negara perdagangan seperti Malaysia. Laporan Daya Saing Global oleh World Economic Forum (WEF) 2018 menunjukkan bahawa infrastruktur pengangkutan laut Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia.

27. Pelabuhan Klang kini menduduki tangga ke-12 pelabuhan kontena yang paling sibuk di dunia dan dijangka mencapai kapasiti penuh dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Oleh itu,

Kerajaan sedang melaksanakan kajian kebolehlaksanaan untuk pembangunan Pulau Carey bagi fasa pertumbuhan seterusnya. Ini adalah untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat maritim serantau dan hab logistik kargo yang menggabungkan aktiviti pembuatan, pengedaran, penyatuan kargo, *bunkering* dan pembaikan kapal.

28. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta untuk pembaikan dan penyelenggaraan jalan raya ke Pelabuhan Klang. Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kajian kebolehlaksanaan projek Serendah-Port Klang Rail Bypass serta kajian kebolehlaksanaan Koridor Logistik Klang iaitu lebuhraya logistik baru yang akan dibangunkan khusus untuk menghubungkan Northport, Westport dan rangkaian lebuhraya yang sedia ada dengan lebih cekap. Kedua-dua projek ini dianggarkan bernilai RM8.3 bilion.

29. Pada masa yang sama, untuk memudahkan aktiviti perdagangan melalui pelabuhan negara, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam) akan memperkenalkan kemudahan pembayaran tertunda (*deferred payment facility*) bagi mempercepat proses pelepasan dagangan rentas sempadan. Ini akan mengurangkan secara ketara masa dan kos untuk perdagangan.

30. Selain pelabuhan laut, Kerajaan juga ingin mengukuhkan hubungan perdagangan dengan Thailand melalui pembangunan hab logistik di kawasan Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam seluas 100 ekar. Sebagai lanjutan kepada pembangunan Depoh Trak yang diumumkan dalam Belanjawan 2019, Kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta untuk menggalakkan projek kerjasama awam swasta. Kerajaan akan menyediakan infrastruktur utama, sementara sektor swasta akan melabur dalam aset perniagaan yang diperlukan untuk memangkin pelaburan domestik berpotensi yang bernilai RM800 juta, sekaligus menyediakan lebih 600 peluang pekerjaan.

31. RM1.1 bilion akan diperuntukkan untuk menyokong aktiviti di bawah koridor seperti berikut:

Pertama : RM50 juta untuk pembangunan Taman Industri Lembah Chuping di Perlis oleh NCIA;

- Kedua** : RM69.5 juta untuk projek berkaitan Pelabuhan Kuantan oleh ECERDC;
- Ketiga** : RM42 juta bagi pembinaan Pusat Rawatan Kumbahan Sungai Segget di Johor oleh IRDA;
- Keempat** : RM55 juta untuk menyokong infrastruktur Taman Industri Samalaju di Sarawak oleh RECODA; dan
- Kelima** : RM20 juta untuk Presint Industri-Agro di Sabah oleh SEDIA.

Strategi 2: Mempercepat Ekonomi Digital

Tan Sri Yang Dipertua,

Membina Infrastruktur Digital

32. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melonjakkan Malaysia ke era teknologi maklumat dan komunikasi melalui penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1996. Kini, kita sedang memasuki era digital. Kerajaan komited ke arah transformasi digital.

33. Dalam tempoh setahun ini, reformasi kawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (MSAP) telah berjaya mengurangkan harga jalur lebar sebanyak 49 peratus dan mencetuskan anjakan permintaan pengguna untuk rangkaian internet yang lebih pantas. Bank Dunia telah memuji kejayaan Kerajaan dalam mempercepatkan purata kelajuan jalur lebar kepada tiga kali ganda dalam tempoh hanya setahun.

34. Pada masa ini, Kerajaan akan membangunkan infrastruktur yang diperlukan bagi membentuk Digital Malaysia melalui pelaksanaan Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) sepanjang tempoh lima tahun yang akan menyediakan liputan berkelajuan tinggi yang komprehensif dan jaringan digital yang berkualiti di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar. Pelan ini akan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM21.6 bilion melalui kerjasama awam swasta. Kerajaan melalui

SKMM akan membiayai lebih separuh daripada pelaburan yang diperlukan dengan pelaburan oleh sektor swasta dalam bidang telekomunikasi melalui geran padanan.

35. Sebagai sebahagian daripada NFCP, Kerajaan akan meningkatkan kesalinghubungan di kawasan pedalaman Malaysia, khususnya di Sabah dan Sarawak, bagi memastikan tiada pihak yang terpinggir dalam agenda digital negara. SKMM akan memperuntukkan RM250 juta untuk menyediakan akses jalur lebar melalui teknologi satelit.

36. Selain itu, Kerajaan akan memperuntukkan RM210 juta untuk mempercepatkan infrastruktur digital di bangunan awam terutamanya sekolah dan kawasan berimpak tinggi seperti taman perindustrian. Keutamaan akan diberikan kepada lokasi di negeri yang dapat memudahkan dan mempercepat pelaksanaan NFCP.

Membina Aplikasi Digital

37. Kesungguhan melaksanakan NFCP adalah penting dalam memperkenalkan teknologi dan perkhidmatan 5G kepada rakyat. Bagi menggalakkan pembangunan teknologi oleh syarikat Malaysia untuk menghadapi gelombang perubahan 5G di seluruh dunia, yang 100 kali lebih pantas berbanding 4G, Kerajaan akan memperkenalkan Geran Pembangunan Ekosistem 5G bernilai RM50 juta.

38. Selain itu, Kerajaan akan memperuntukkan RM25 juta untuk menyediakan dana geran padanan secara bidaan untuk menggalakkan lebih banyak projek perintis aplikasi digital bagi dron penghantar, kenderaan pandu sendiri, teknologi *blockchain* serta produk dan perkhidmatan lain yang memanfaatkan pelaburan dalam infrastruktur gentian optik dan 5G.

39. Kandungan digital boleh menjana nilai ekonomi. Misalnya, pendapatan industri permainan video dunia melebihi USD150 bilion pada masa ini adalah lebih tinggi berbanding gabungan hasil industri muzik dan filem. Oleh itu, Kerajaan akan memperuntukkan RM20 juta kepada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) untuk memupuk jaguh

tempatan dalam menghasilkan kandungan digital khususnya dalam bidang yang sedang berkembang pesat seperti e-Permainan, animasi dan seni digital.

Membangunkan Syarikat Digital

40. Bagi membangunkan Digital Malaysia, Kerajaan memerlukan penyertaan pihak swasta. Untuk tujuan ini, lebih banyak PKS Malaysia perlu menerima pakai langkah pendigitalan untuk operasi syarikat, termasuk Sistem Jualan Elektronik (e-POS), Perencanaan Sumber Daya Perusahaan (ERP) dan Sistem Pembayaran Gaji Elektronik. Oleh itu, Kerajaan akan menyediakan 50 peratus geran padanan dengan jumlah sehingga RM5 ribu untuk melanggan perkhidmatan tersebut. Geran padanan ini berjumlah RM500 juta untuk tempoh selama lima tahun, dan dihadkan kepada 100 ribu PKS pertama yang memohon untuk menaik taraf sistem mereka.

41. Bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran produk, Kerajaan akan memperuntukkan RM550 juta bagi menyediakan geran padanan Automasi Pintar kepada seribu syarikat pembuatan dan seribu syarikat perkhidmatan untuk mengautomatiskan proses perniagaan. Geran ini diberikan secara padanan sehingga RM2 juta bagi setiap syarikat.

42. Kerajaan bercadang untuk menubuhkan 14 Pusat Peningkatan Digital Sehati di semua negeri untuk memudahkan akses kepada pembiayaan dan pembangunan kapasiti perniagaan, terutamanya PKS sejajar dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Sejumlah RM70 juta akan diperuntukkan kepada MDEC untuk menubuhkan pusat-pusat ini sebagai tambahan kepada program '100 Go Digital'. Kerajaan bercadang untuk mewujudkan 3 perpustakaan digital baharu di Kedah, Perak dan Johor bertujuan menggalakkan perkongsian pengetahuan dan pendidikan melalui kandungan digital.

43. Cradle Fund melalui Program Bimbing dan Pupuk (*Coach and Grow Programme*) telah melahirkan ramai usahawan teknologi berimpak tinggi melibatkan 469 syarikat dengan penjana hasil sebanyak RM2.3 bilion, termasuk RM300 juta yang telahpun dieksport. Oleh itu, sebagai komitmen berterusan Kerajaan

untuk menggalakkan inovasi di peringkat awal, Kerajaan akan menyediakan RM20 juta untuk Cradle Fund bagi tujuan latihan dan geran untuk program ini.

Membina Masyarakat Digital

44. Bagi memastikan syarikat digital yang berjaya menyumbang kepada kemakmuran bersama, Kerajaan akan memperkenalkan konsep Tanggungjawab Sosial Digital (DSR). DSR adalah komitmen oleh sektor perniagaan untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja masa depan dengan kemahiran digital untuk masyarakat yang memerlukan. Untuk tujuan ini, sumbangan sektor swasta dalam aktiviti DSR akan diberikan potongan cukai.

45. Di samping itu, sebanyak RM10 juta akan disediakan kepada MDEC untuk melatih usahawan mikro-digital dan pakar teknologi bagi memanfaatkan e-Marketplaces dan platform media sosial. Seramai 100 daripada usahawan mikro-digital ini, yang majoritinya terdiri daripada wanita dan belia, telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM23 juta dalam tempoh hanya enam bulan sekaligus mengubah kehidupan mereka.

46. Kerajaan Pakatan Harapan mengiktiraf potensi tinggi e-Sukan dan akan meningkatkan peruntukan sebanyak RM20 juta pada tahun 2020. Kerajaan mengucapkan selamat berjaya kepada pasukan Malaysia dan semoga memenangi sebanyak mungkin pingat emas Sukan SEA di Manila pada bulan Disember 2019.

Tan Sri Yang Dipertua,

47. Transformasi Malaysia kepada Ekonomi Digital hanya boleh direalisasikan sekiranya rakyat mengamalkan budaya digital dan mengambil bahagian dalam urus niaga digital menjurus ke arah masyarakat tanpa tunai. Berdasarkan Pelan Sektor Kewangan Bank Negara Malaysia (BNM) 2011 hingga 2020, Malaysia boleh menjimatkan kira-kira 1 peratus daripada KDNK setiap tahun dengan beralih sepenuhnya kepada e-Bayaran. Pada tahun 2018, jumlah urus niaga pembayaran mudah alih meningkat 20 kali ganda kepada lebih 34 juta transaksi berbanding kurang daripada 2 juta transaksi pada

tahun 2017. Akan tetapi, laporan kajian Nielsen pada Januari tahun ini mendapati penerimaan keseluruhan e-Dompet masih rendah pada hanya 8 peratus.

48. Bagi mempercepat transformasi ke arah peningkatan penggunaan e-Dompet dalam masyarakat dan peniaga, terutamanya perusahaan perniagaan kecil dan runcit untuk menerima bayaran digital, Kerajaan akan menawarkan rangsangan digital secara *one-off* bernilai RM30 kepada semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas dengan pendapatan tahunan kurang daripada RM100 ribu. Apa yang diperlukan hanyalah akaun e-Dompet dengan identiti yang disahkan melalui penyedia perkhidmatan yang terpilih. Rangsangan digital secara *one-off* bagi setiap orang boleh ditebus dan digunakan untuk tempoh dua bulan bermula 1 Januari 2020 dan akan tamat pada 29 Februari 2020. Kerajaan akan memperuntukkan sehingga RM450 juta kepada Khazanah Nasional untuk melaksanakan insentif ini yang akan memberi manfaat kepada 15 juta rakyat Malaysia.

Strategi 3: Memperkukuh Akses kepada Pembiayaan Perniagaan

Tan Sri Yang Dipertua,

49. Untuk memudahkan akses kepada pembiayaan untuk PKS dalam segmen utama, Kerajaan akan membuat penambahbaikan terhadap Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP). Bagi PKS Bumiputera, PKS yang berorientasikan eksport serta PKS yang melabur dalam automasi dan digital, jaminan Kerajaan akan dinaikkan daripada 70 peratus kepada 80 peratus. Sebagai tambahan, yuran jaminan turut dikurangkan kepada hanya 0.75 peratus. SJPP juga menyediakan kemudahan jaminan baharu sebanyak RM500 juta untuk usahawan wanita.

50. Bagi terus menyokong usahawan baharu, SME Bank akan memperkenalkan dua dana baharu di mana Kerajaan akan menyediakan subsidi kadar faedah 2 peratus setahun bagi mengurangkan kos pinjaman seperti berikut:

Pertama : Peruntukan dana RM200 juta khusus untuk usahawan wanita dengan tawaran pembiayaan sehingga RM1 juta bagi setiap PKS; dan

Kedua : Peruntukan dana RM300 juta untuk menyokong PKS Bumiputera yang berpotensi menjadi jaguh serantau. Untuk tujuan ini, keutamaan akan diberikan kepada pengeluar produk halal serta pengeluar produk dengan kandungan tempatan yang tinggi.

51. Peruntukan sebanyak RM10 juta akan disediakan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan bagi memberi tumpuan kepada khidmat nasihat dan kesedaran untuk pensijilan halal, pembangunan produk halal dan menyediakan platform untuk industri tempatan bersaing di pasaran halal antarabangsa yang kini dianggarkan bernilai USD3 trilion.

52. Bagi membolehkan PKS kekal berdaya saing, mereka perlu terus meningkatkan eksport. Kerajaan Pakatan Harapan akan menaikkan siling setiap syarikat bagi inisiatif Geran Pembangunan Pasaran (MDG) oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dari RM200 ribu kepada RM300 ribu setiap tahun. Pada masa yang sama, siling untuk penyertaan dalam setiap pameran eksport juga akan ditingkatkan dari RM15 ribu kepada RM25 ribu. Kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta untuk menggalakkan PKS menyertai lebih banyak aktiviti promosi.

53. Dalam era *fintech*, Bank Negara Malaysia sedang memuktamadkan rangka kerja pelesenan untuk bank digital yang akan diterbitkan menjelang akhir tahun ini untuk konsultasi awam. Rangka kerja akhir akan dimuktamadkan dan dibuka untuk permohonan pada separuh pertama 2020.

54. Kerajaan akan terus menyokong dan menggalakkan inovasi kewangan digital baharu seperti platform *Equity Crowdfunding* (ECF) dan *Peer-to-Peer* (P2P). Secara kolektif, lebih RM430 juta telah dijana sehingga Jun tahun ini yang memberi manfaat kepada lebih 1,200 PKS. Atas kejayaan awal ini, Kerajaan memperuntukkan tambahan RM50 juta kepada My Co-Investment Fund (MyCIF) di bawah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk memanfaatkan platform sebegini kepada PKS yang sukar mendapat akses pembiayaan.

55. Bagi terus menggalakkan penyediaan sumber dana alternatif kepada syarikat baharu serta menarik lebih banyak

pelaburan asing ke Malaysia, galakan cukai bagi modal teroka dan pelabur mangkin (*angel investor*) dilanjutkan sehingga tahun 2023.

56. Bagi memangkin dan menggalakkan pembiayaan kepada konsortium pembinaan yang membida projek dan konsesi di luar negara, Kerajaan akan menyediakan RM1 bilion dalam bentuk jaminan padanan dengan nisbah 1 kepada 5 untuk dana ekuiti swasta khusus untuk melabur dalam konsortium Malaysia tersebut.

57. Untuk menyokong pembangunan usahawan Bumiputera, geran sebanyak RM445 juta akan diberikan dari segi akses kepada pembiayaan, penyediaan premis perniagaan dan latihan keusahawanan. Ini termasuklah:

Pertama : RM150 juta untuk semua program pembangunan dan peningkatan kemahiran keusahawanan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB);

Kedua : RM75 juta untuk membina kapasiti PKS Bumiputera oleh SMECorp, yang merangkumi program untuk meningkatkan pemasaran, pembungkusan dan celik kewangan;

Ketiga : RM170 juta untuk akses pembiayaan melalui TEKUN Nasional, SME Bank dan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB); dan

Keempat : RM50 juta untuk program keusahawanan di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

58. Kerajaan akan terus menyokong projek strategik menerusi program pembiayaan di bawah Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), yang menawarkan subsidi faedah 2 peratus setahun melalui:

Pertama: Dana Pembiayaan Pembangunan Mampan yang ditingkatkan daripada RM1 bilion kepada RM2 bilion;

Kedua: Dana Maritim & Logistik bernilai RM1 bilion; dan

Ketiga: Dana Transformasi Pendigitalan Industri bernilai RM2 bilion yang kini akan menyokong pelaksanaan projek kesalinghubungan digital.

59. Berbanding pentadbiran dahulu yang memberikan pinjaman kepada peniaga kecil melalui koperasi yang berunsurkan politik, pentadbiran Pakatan Harapan mengasingkan unsur politik daripada pembiayaan, dengan menyediakan pinjaman sebanyak RM100 juta di bawah Skim Pembiayaan Usahawan Perusahaan Kecil Komuniti Cina. Pembiayaan ini akan diuruskan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) yang mempunyai lebih 380 cawangan di seluruh negara dengan kadar faedah 4 peratus setahun.

60. Bagi usahawan etnik India, Kerajaan akan menyediakan pinjaman sebanyak RM20 juta di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India, TEKUN Nasional yang dijangka memberi manfaat kepada 1,300 usahawan India juga dengan kadar faedah 4 peratus setahun.

Penstrukturan Semula Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)

61. Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) memainkan peranan penting sebagai institusi awam dalam menyokong matlamat pembangunan negara untuk memenuhi keperluan ekonomi baharu. Untuk mengukuhkan ekosistem ini, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia mencadangkan pelan penstrukturan semula DFI dengan menubuhkan institusi kewangan baharu dalam dua fasa melalui penggabungan BPMB, Danajamin Nasional, SME Bank dan Bank Eksport-Import Malaysia.

Mengembangkan Kewangan Islam

62. Untuk tahun ini, Kementerian Kewangan telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dengan objektif utama untuk menggalak dan membangunkan ekosistem kewangan Islam. Dalam meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan kewangan Islam, Jawatankuasa ini akan:

Pertama : Merangka *Blueprint* Ekonomi Islam yang melibatkan semua agensi berkaitan; dan

Kedua : Menganjurkan inisiatif *outreach* dan kursus profesional untuk meningkatkan kefahaman mengenai Kewangan Islam di seluruh negara.

63. Selain itu, potongan cukai bagi kos penerbitan dan potongan cukai tambahan bagi kos tambahan penerbitan sukuk di bawah prinsip *Wakalah* akan dilanjutkan untuk tempoh lima tahun sehingga tahun taksiran 2025.

64. Bagi terus mempromosikan aktiviti pengurusan dana Islam serta dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (*Sustainable and Responsible Investment* atau SRI), pengecualian cukai kepada syarikat pengurusan dana yang menguruskan dana patuh Syariah dan dana SRI serta potongan cukai ke atas kos penerbitan Sukuk SRI dilanjutkan untuk tempoh tiga tahun lagi sehingga tahun taksiran 2023.

Strategi 4: Mengukuhkan Kepelbagaian Ekonomi

Tan Sri Yang Dipertua,

65. Demi mencapai kepelbagaian ekonomi (*economic diversity*) untuk memperluaskan asas pertumbuhan, langkah spesifik akan dilaksanakan dalam empat bidang iaitu ekonomi hijau, pertanian, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pelancongan.

Pertumbuhan Hijau dan Tenaga untuk Masa Depan

66. Sebagai salah satu langkah untuk pembukaan pasaran bekalan elektrik, Kerajaan akan melaksanakan peralihan daripada sistem berasaskan mekanisme *Power Purchase Agreement* (PPA) kepada sistem pasaran terbuka. Penjana elektrik berasaskan tenaga boleh baharu dapat bersaing secara langsung di pasaran runcit. Pasaran elektrik yang lebih telus dan terbuka akan dapat memastikan kos elektrik yang lebih kompetitif untuk pengguna Malaysia.

67. Kerajaan berhasrat untuk merangka dasar yang berkaitan untuk mencapai sasaran negara bagi menjana 20 peratus penggunaan tenaga daripada tenaga boleh baharu menjelang tahun 2025. Pada Belanjawan 2019, Kerajaan telah memperluaskan

senarai aset hijau yang layak untuk Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) di bawah direktori MyHijau. Untuk Belanjawan 2020, Kerajaan akan melanjutkan galakan GITA dan Pengecualian Cukai Pendapatan bagi Perkhidmatan Teknologi Hijau (GITE) sehingga 2023. Di samping itu, galakan cukai akan turut diperkenalkan kepada syarikat yang melaksanakan aktiviti pajakan tenaga suria (*solar leasing*) dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus untuk tempoh sehingga 10 tahun.

68. Melalui Kontrak Prestasi Tenaga (EPC), pelaburan modal awal bagi peralatan penjimatan tenaga untuk bangunan Kerajaan akan dibayar balik melalui penjimatan kos utiliti yang dicapai. Pada tahun 2020, Kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan EPC untuk bangunan Kerajaan, dengan mengutamakan hospital dan institusi pendidikan.

Memajukan Komoditi

69. Kerajaan amat prihatin terhadap kesan harga komoditi yang rendah ke atas mata pencarian rakyat, khususnya pekebun kecil. Dalam masa yang sama, Kerajaan kecewa dan hampa dengan kempen anti-minyak sawit yang dilancarkan oleh Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat. Kerajaan berhasrat untuk menyokong industri ini dengan langkah-langkah berikut:

Pertama : Kerajaan telah melancarkan dana pinjaman penanaman semula kelapa sawit berjumlah RM550 juta untuk pekebun kecil tanpa cagaran pada kadar faedah 2 peratus setahun. Tempoh pinjaman adalah selama 12 tahun termasuk tempoh moratorium selama empat tahun ke atas pembayaran balik. Penanaman semula akan dijalankan menggunakan teknik semaian terkini serta mematuhi piawaian Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) untuk memastikan produktiviti dan kebolehpasaran yang lebih baik;

Kedua : Kerajaan akan memperuntukkan RM27 juta untuk menyokong usaha Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam meluaskan pasaran minyak sawit di peringkat antarabangsa dan menangani kempen anti-minyak sawit; dan

Ketiga : Untuk meningkatkan penggunaan biodiesel, penggunaan Biodiesel B20 untuk sektor pengangkutan akan dilaksanakan menjelang akhir tahun 2020. Ini dijangka meningkatkan permintaan minyak sawit sebanyak 500 ribu tan setahun.

70. Kerajaan memahami akan kesukaran yang disebabkan oleh harga getah rendah dan penurunan hasil pada musim tengkujuh. Oleh itu, Kerajaan akan memperuntukkan RM200 juta untuk Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil getah yang layak di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Kerajaan juga akan menyediakan RM100 juta untuk Insentif Pengeluaran Getah pada tahun 2020 bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang terjejas akibat kejatuhan harga getah.

71. Di samping itu, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM810 juta khususnya untuk kebajikan masyarakat Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), seperti berikut:

Pertama : RM250 juta untuk program bagi meningkatkan pendapatan 11,600 orang peneroka;

Kedua : RM300 juta untuk hapus kira faedah pinjaman peneroka;

Ketiga : RM100 juta bagi bekalan air FELDA;

Keempat : RM70 juta untuk perumahan generasi baru peneroka FELDA; dan

Kelima : RM90 juta untuk menaik taraf jalan dan infrastruktur asas di kawasan FELDA.

72. Belanjawan 2020 juga akan menyediakan RM738 juta untuk RISDA dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) untuk melaksanakan pelbagai program penjana pendapatan yang akan memberi manfaat kepada lebih 300 ribu pekebun kecil RISDA dan 100 ribu peserta FELCRA.

Meningkatkan Pendapatan Petani

73. Kerajaan telah meningkatkan peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani daripada RM4.4 bilion untuk 2019 kepada RM4.9 bilion untuk 2020, dengan memberi fokus khusus kepada meningkatkan pendapatan bagi pengusaha pertanian.

74. Elaun Sara Hidup Nelayan akan ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan, menjadikan peruntukan keseluruhan sebanyak RM152 juta pada tahun 2020.

Tan Sri Yang Dipertua,

75. Dalam usaha membantu petani, nelayan dan pekebun kecil mempelbagaikan sumber pendapatan, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM150 juta sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh.

76. Kerajaan juga berhasrat menjadikan padi pulut sebagai produk perdana Pulau Langkawi bagi meningkatkan pendapatan petani. Bagi menyokong inisiatif ini, Kerajaan akan memperuntukkan RM30 juta untuk penghasilan beras pulut di Pulau Langkawi yang dijangka memberi manfaat kepada 1,200 petani.

77. Bagi meningkatkan hasil padi, Kerajaan akan meningkatkan peruntukan input padi sebanyak RM855 juta bagi tahun 2020 berbanding RM796 juta pada 2019 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Di samping itu, Kerajaan juga akan meneruskan subsidi padi bukit atau padi huma.

78. Akhir sekali, Kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak RM43 juta ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

Tan Sri Yang Dipertua,

Menambah Baik Kerangka Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

79. Kedudukan global Malaysia telah meningkat daripada kedudukan ke-37 di dunia pada tahun 2017 kepada kedudukan ke-35 pada tahun 2019 dalam Indeks Inovasi Global (GII) yang diterbitkan oleh *World Intellectual Property Organization (WIPO)*. Namun, usaha kita akan diteruskan dengan meningkatkan rangka kerja R&D Malaysia, melalui:

- Pertama** : Menggiatkan R&D dalam sektor awam dengan peruntukan sejumlah RM524 juta kepada pelbagai Kementerian dan Agensi;
- Kedua** : Kerajaan juga akan memperuntukkan RM30 juta geran padanan R&D untuk menggalakkan kerjasama di antara industri dan ahli akademik bagi meningkatkan nilai tambah dalam penggunaan minyak sawit di sektor hiliran terutamanya *tocotrienol* dalam produk farmaseutikal dan bahan api bio-jet;
- Ketiga** : Menyelaras R&D dengan menubuhkan Agensi Pengurusan Penyelidikan dengan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk menguruskan sumber penyelidikan awam secara berpusat;
- Keempat** : Mengkomersialkan R&D dengan menubuhkan Pejabat Inovasi Sehari di dalam sektor awam untuk memanfaatkan harta intelek secara komersial bagi menggalakkan aktiviti R&D dan universiti penyelidikan, bermula dengan Universiti Malaya; dan
- Kelima** : Pendapatan harta intelek daripada paten dan hak cipta perisian bagi aktiviti yang layak yang dibangunkan di Malaysia akan diberi pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh sehingga 10 tahun berdasarkan konsep *Modified Nexus Approach*.

80. Kerajaan akan memperuntukkan RM11 juta melalui inisiatif yang digerakkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar ke bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Tahun Melawat Malaysia 2020

Tan Sri Yang Dipertua,

81. Tahun Melawat Malaysia 2020 (VMY2020) merupakan usaha utama Kerajaan untuk menjenamakan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan, dengan sasaran 30 juta pelancong. Kerajaan akan meneruskan pemberian 50 peratus hasil cukai pelancongan kepada setiap Kerajaan Negeri untuk menyokong usaha mereka bersempena dengan VMY2020. Bagi memenuhi hasrat VMY2020, sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di mana RM90 juta dikhaskan untuk meningkatkan kesedaran, promosi dan program sempena kempen VMY2020. Dalam pada itu, sebahagian besar daripada levi pelepasan yang dikenakan kepada penumpang yang ke luar negara menggunakan pengangkutan udara mulai 1 September 2019 akan diperuntukkan kepada projek infrastruktur pelancongan.

82. Untuk meningkatkan manfaat ekonomi VMY2020, Kerajaan akan mencadangkan insentif cukai yang disasarkan ke atas sektor kesenian dan pelancongan seperti berikut:

Pertama : Pengecualian cukai pendapatan kepada penganjur aktiviti kesenian dan kebudayaan serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan dan penganjur persidangan;

Kedua : Pelaburan baharu bagi taman tema antarabangsa diberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus daripada pendapatan berkanun atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus ditolak sehingga 70 peratus untuk lima tahun;

Ketiga : Meningkatkan potongan cukai yang diberi kepada syarikat yang menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan di Malaysia daripada RM700 ribu sehingga RM1 juta setahun;

Keempat : Elaun Modal Dipercepatkan ke atas perbelanjaan bagi pembelian bas persiaran baharu jenis pemasangan tempatan dituntut sepenuhnya dalam tempoh dua tahun; dan

Kelima : Pengecualian duti eksais sebanyak 50 peratus bagi kenderaan pemasangan tempatan diberikan kepada pengendali pelancongan bagi pembelian kenderaan pelancongan baharu yang layak.

83. Perkhidmatan kereta api funikular ke Bukit Bendera Pulau Pinang dijangka mencecah dua juta penumpang setahun dan melebihi kapasiti. Kerajaan akan menyumbang kepada pembinaan sistem kereta kabel baharu ke Bukit Bendera dengan peruntukan sebanyak RM100 juta, di mana kos tambahan akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

84. Kerajaan akan memperuntukkan RM5 juta kepada Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA) untuk menyokong galeri seni visual dan penganjur pameran seni. Selain itu, RM10 juta akan diperuntukkan kepada Think City untuk memelihara budaya dan warisan bandar.

85. Kerajaan juga akan menganjurkan Tahun Pelancongan Kesihatan Malaysia 2020 sebagai mengisi program VMY2020 untuk memperkukuh kedudukan utama Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan di rantau ini. Pelancongan perubatan adalah sektor yang berkembang pesat di Malaysia, di mana ia telah meningkat 17 peratus setiap tahun dari 2015 hingga 2018. Pada tahun 2018, sektor ini telah menjana pendapatan RM1.5 bilion daripada 1.2 juta pelancong kesihatan. Untuk mempromosikan lagi pelancongan kesihatan, Kerajaan akan memperuntukkan RM25 juta kepada Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelancongan kesihatan di ASEAN untuk onkologi, kardiologi dan rawatan kesuburan.

86. Sehingga kini, permohonan *e-visa* telah pun diperkenalkan kepada 10 buah negara, termasuk China dan India. Bagi memudahcara proses pengeluaran visa, ejen pelancongan berlesen di bawah MOTAC dibenarkan untuk menghantar permohonan secara berkelompok sehingga 100 orang setiap transaksi melalui sistem eNTRI dan eVISA.

TERAS KEDUA: PELABURAN KE ATAS RAKYAT: MENINGKATKAN KEUPAYAAN MODAL INSAN

Tan Sri Yang Dipertua,

87. Pertumbuhan ekonomi yang baik sahaja tidak memadai untuk memastikan kemakmuran bersama dapat dikecapi. Malah, ianya memerlukan penyertaan semua lapisan masyarakat supaya hasilnya dapat dikongsi secara saksama. Terdapat tiga cabaran yang berkait rapat dengan pasaran buruh yang memerlukan perhatian daripada Kerajaan.

88. Pertama, Kerajaan amat bimbang dengan peningkatan lebih daripada setengah juta rakyat Malaysia menganggur pada tahun 2018 yang mana 140 ribu merupakan graduan. Dari segi usia, sekitar 290 ribu penganggur merupakan belia berumur sehingga 24 tahun.

89. Kedua, jurang antara jantina dalam pekerjaan masih besar sungguhpun Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dengan pelantikan wanita yang pertama sebagai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kadar penyertaan tenaga buruh wanita tidak berubah sekitar 55 peratus, jauh daripada sasaran 60 peratus. Kajian terkini Bank Dunia merumuskan bahawa sekiranya semua halangan terhadap wanita dihapuskan, pendapatan per kapita negara akan meningkat sebanyak 26.2 peratus.

90. Ketiga, Malaysia terlalu bergantung kepada buruh berkemahiran rendah terutamanya pekerja asing. Tenaga buruh asing yang murah tidak menggalakkan syarikat tempatan

untuk melabur dalam modal dan teknologi yang produktif. Secara rasminya, sehingga akhir tahun 2018, terdapat 2.2 juta pekerja asing atau 15 peratus daripada 15 juta tenaga buruh di Malaysia. Oleh itu, semua pihak perlu berusaha mengurangkan kebergantungan terhadap buruh asing berkemahiran rendah serta mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri dalam memperoleh pekerja yang mencukupi dalam pasaran buruh.

Strategi 5: Meningkatkan Peluang Pekerjaan untuk Rakyat Malaysia

Tan Sri Yang Dipertua,

#MalaysiaKerja (Malaysians@Work)

91. Menyedari cabaran-cabaran yang dihadapi, Kerajaan akan melancarkan inisiatif #MalaysiaKerja (Malaysians@Work) bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik untuk belia dan wanita sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Secara ringkasnya, #MalaysiaKerja dibahagikan kepada empat program yang disasarkan kepada pekerja dan majikan dengan menyediakan pelbagai insentif seperti berikut:

Pertama : #GraduanKerja (Graduates@Work) direka khusus untuk pengambilan graduan yang menganggur melebihi 12 bulan. Graduan yang menerima tawaran kerja akan menerima insentif gaji selama dua tahun sebanyak RM500 sebulan sebagai tambahan kepada gaji yang diterima. Manakala majikan pula akan menerima insentif pengambilan pekerja sebanyak RM300 sebulan juga bagi tempoh yang sama;

Kedua : #WanitaKerja (Women@Work) bertujuan mewujudkan 33 ribu peluang pekerjaan setahun untuk wanita berusia di antara 30 hingga 50 tahun yang telah berhenti bekerja selama setahun atau lebih. Wanita yang kembali bekerja akan diberi insentif gaji selama dua tahun sebanyak RM500 sebulan, manakala majikan pula akan diberi insentif pengambilan pekerja

sebanyak RM300 sebulan bagi tempoh yang sama. Sebagai tambahan, pengecualian cukai pendapatan bagi wanita yang kembali bekerja akan dilanjutkan empat tahun lagi sehingga tahun 2023;

Ketiga : **#WatanKerja (Locals@Work)** adalah program kesamarataan kos pengambilan pekerja yang bertujuan mengalihkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah. Warganegara yang menggantikan pekerja asing akan diberikan insentif gaji selama dua tahun sebanyak RM350 atau RM500 sebulan mengikut sektor. Manakala, majikan pula akan menerima insentif pengambilan sebanyak RM250 sebulan dalam tempoh yang sama; dan

Keempat : **#PerantisKerja (Apprentice@Work)** adalah program insentif Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bentuk elaun tambahan sebanyak RM100 sebulan untuk pelajar semasa menjalani latihan industri dalam kursus TVET bertujuan menggalakkan lebih ramai belia menyertai kursus TVET. Justeru, Kerajaan juga akan melanjutkan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat yang menyertai Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi tempoh dua tahun lagi. Sebagai tambahan, potongan cukai dua kali yang telah diberikan kepada syarikat yang melaksanakan Program Internship Berstruktur (SIP) yang diluluskan oleh TalentCorp bagi pelajar yang mengikuti bidang kejuruteraan dan teknologi akan diperluaskan kepada semua bidang akademik yang lain.

92. Kerajaan percaya menerusi program **#MalaysiaKerja**, warga Malaysia yang menganggur akan menguasai kemahiran dan kecekapan yang diperlukan bagi memastikan kelangsungan pekerjaan dengan syarikat yang relevan serta peratusan pengekalan pekerja selepas tempoh dua tahun insentif tamat adalah melebihi 90 peratus. Ini akan membina modal insan dari kalangan penganggur untuk menjadi pekerja yang berdikari dan menyumbang secara produktif kepada pasaran buruh.

93. Inisiatif #MalaysiaKerja akan disediakan oleh Kerajaan dan diuruskan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), di mana insentif gaji tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun KWSP kecuali bagi program #PerantisKerja. Inisiatif ini juga akan diintegrasikan dengan Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) serta program pasaran buruh aktif yang lain. Kerajaan menjangkakan program #MalaysiaKerja akan mewujudkan tambahan peluang pekerjaan sebanyak 350 ribu untuk rakyat Malaysia dalam masa lima tahun. Program ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada seramai 130 ribu orang pekerja asing. #MalaysiaKerja dijangka melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM6.5 bilion dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

94. Kerajaan juga akan melaksanakan langkah-langkah selanjutnya untuk menambah baik persekitaran kerja bagi para wanita dan ibu bapa secara amnya. Sejajar dengan usaha ini, Kerajaan pada tahun 2019 telah berjaya menyediakan 66 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) baharu di bangunan Kerajaan dengan peruntukan RM10 juta berbanding sasaran awal 50 TASKA. Bagi tahun hadapan, Kerajaan akan meningkatkan peruntukan kepada RM30 juta untuk menyediakan lebih banyak lagi TASKA terutamanya di hospital dan sekolah. Sebagai tambahan, bagi meringankan beban kewangan ibu bapa yang menghantar anak untuk pendidikan awal ke TASKA dan Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKAN) berdaftar, pelepasan cukai individu bagi yuran yang dibayar akan dinaikkan daripada RM1 ribu kepada RM2 ribu.

Strategi 6: Memodenkan Pasaran Buruh

95. Selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan baharu, Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk memodenkan pasaran buruh negara dengan menambah baik syarat-syarat pekerjaan untuk pekerja.

96. Kerajaan akan meneliti semula Akta Kerja 1955 bagi memastikan akta tersebut kekal relevan dengan keperluan pasaran tenaga kerja semasa. Oleh itu, kajian semula Akta Kerja 1955 meliputi perkara berikut:

Pertama : Meningkatkan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari berkuat kuasa mulai tahun 2021;

- Kedua** : Memanjangkan kelayakan bayaran lebih masa bagi golongan yang berpendapatan kurang daripada RM2 ribu kepada RM4 ribu sebulan;
- Ketiga** : Menambah baik pengendalian aduan gangguan seksual dari segi perlindungan dan prosedur; dan
- Keempat** : Memantapkan peruntukan berkaitan larangan diskriminasi dalam pekerjaan contohnya agama, kaum atau jantina.

97. Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk menambah baik kehidupan rakyat, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Pada bulan Januari 2019, Kerajaan telah meningkatkan gaji minimum kepada RM1,100 sebulan. Justeru, bagi mengimbangi keperluan pekerja dan majikan dengan mengambil kira kenaikan kos sara hidup di bandar-bandar utama, Kerajaan mencadangkan supaya gaji minimum ditingkatkan pada kadar RM1,200 sebulan hanya di wilayah bandar-bandar utama berkuat kuasa pada tahun 2020.

Meningkatkan Perlindungan Sosial

Tan Sri Yang Dipertua,

98. Seiring dengan persekitaran kerja yang sering berubah, mekanisme perlindungan sosial pekerja juga harus ditambah baik. Dalam konteks ini:

- Pertama** : KWSP akan memperluaskan perlindungan kepada pekerja kontrak di bawah kontrak untuk perkhidmatan (*contract for service*) dan Profesional. Sebagai permulaan, skim ini akan dijalankan secara sukarela bagi pekerja dalam industri seni dan hiburan melalui kerjasama antara KWSP dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) sebelum diperluaskan kepada sektor lain; dan
- Kedua** : Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan diperluaskan bagi membolehkan caruman

oleh 18 kumpulan yang bekerja sendiri mulai tahun 2020, seperti nelayan, petani, pemilik tunggal dan perkongsian.

99. PERKESO juga akan membina sebuah pusat rehabilitasi baharu dengan kos sebanyak RM500 juta di Perak, selepas kejayaan Pusat Rehabilitasi PERKESO di Melaka. Pusat baharu ini akan dilengkapi dengan teknologi terkini termasuk robotik, rawatan trauma dan pusat kecemerlangan bagi mencegah kemalangan, dengan kerjasama agensi berkaitan.

i-Suri untuk Pasangan

100. Pada 2019, program i-Suri telah mendapat peruntukan sebanyak RM45 juta sebagai tambahan ke atas sumbangan yang diberikan oleh suami kepada isteri yang tidak bekerja. Pada tahun 2020, program ini akan ditambah baik bagi membolehkan suami memilih untuk menyumbang secara sukarela sebanyak 2 peratus daripada 11 peratus carumannya ke dalam akaun KWSP isterinya.

101. Kerajaan juga bercadang untuk memanjangkan manfaat di bawah i-Suri melalui perlindungan keselamatan sosial di bawah PERKESO. Peruntukan sebanyak RM20 juta akan disediakan pada tahun hadapan kepada PERKESO bagi tujuan ini.

Strategi 7: Pelaburan dalam Pendidikan dan Bakat

Tan Sri Yang Dipertua,

102. Kerajaan komited untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada segenap lapisan masyarakat. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan terus menjadi penerima peruntukan terbesar sebanyak RM60.2 bilion pada tahun 2019 kepada RM64.1 bilion pada tahun 2020. Ini mencerminkan komitmen Kerajaan untuk melabur demi masa depan anak kita.

Menaik taraf Sekolah

103. Kerajaan akan terus melabur dalam membina sekolah-sekolah baharu selaras dengan peningkatan populasi penduduk. Walau bagaimanapun, pada masa lalu keadaan sekolah sedia

ada sering diabaikan. Bagi memastikan sekolah-sekolah sedia ada menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif untuk anak-anak kita, Kerajaan akan menambah peruntukan penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah daripada RM652 juta seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2019 kepada RM735 juta pada tahun 2020 seperti berikut:

- Sekolah Kebangsaan RM300 juta
- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) RM50 juta
- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) RM50 juta
- Sekolah Berasrama Penuh RM50 juta
- Maktab Rendah Sains MARA RM50 juta
- Sekolah Agama Bantuan Kerajaan RM50 juta
- Sekolah Mubaligh RM50 juta
- Sekolah Tahfiz RM50 juta
- Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Persendirian RM25 juta
- Sekolah Pondok yang berdaftar RM25 juta
- Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan RM20 juta
- Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) RM15 juta

104. Kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada membaik pulih sekolah daif dengan peruntukan sebanyak RM783 juta pada tahun 2020, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Tahun hadapan, Kerajaan akan membina beberapa sekolah baharu di Langkawi, Kulai, Hulu Langat, Putrajaya, Pasir Gudang, Tumpat, Marang dan Johor Bahru.

105. Bagi sekolah kebangsaan, peruntukan sebanyak RM23 juta akan disediakan untuk memastikan sekolah mempunyai kemudahan mesra Orang Kelainan Upaya (OKU). Ini selari dengan dasar penolakan sifar (*zero-reject*) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan di mana tiada kanak-kanak OKU dinafikan hak pendidikan disebabkan kelainan upaya mereka.

106. Kerajaan juga akan meningkatkan jumlah bantuan bayaran utiliti tambahan yang juga merangkumi pembedaan sebanyak RM12 juta sekaligus memberi manfaat kepada dua ribu sekolah bantuan kerajaan.

Mengurus perdana TVET

107. Salah satu bidang fokus utama dasar pembangunan modal insan adalah dengan mengurus perdana Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET). Justeru, Kerajaan akan meningkatkan peruntukan daripada RM5.7 bilion pada tahun 2019 kepada RM5.9 bilion pada tahun 2020 bagi program TVET. Ini termasuklah:

Pertama : Memperkukuhkan lagi sinergi di antara sektor awam dan swasta menerusi peningkatan pembiayaan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (SSDC). Oleh itu, Kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi membiayai kursus TVET yang dilaksanakan oleh SSDC;

Kedua : Menggalakkan kerjasama industri yang lebih oleh Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dengan:

- Membenarkan ILKA menggunakan lebih hasil yang dijana daripada kursus TVET yang disediakan kepada industri untuk perbelanjaan seperti menaik taraf peralatan dan melantik tenaga pengajar daripada industri; dan
- Menyediakan geran padanan berjumlah RM20 juta untuk menyokong kursus TVET yang direka khas untuk dilaksanakan dengan kerjasama industri.

Ketiga : Kerajaan akan memperluaskan laluan kerjaya graduan TVET untuk melanjutkan pengajian dan mendapatkan pekerjaan. Justeru, Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) akan mula menawarkan

kursus ijazah sarjana muda untuk pelatih yang telah menamatkan pengajian dari Kolej Vokasional pada tahun hadapan; dan

Keempat : Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) akan bekerjasama dengan industri untuk menyediakan latihan TVET yang dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan menyediakan RM30 juta untuk melatih lebih tiga ribu belia daripada keluarga berpendapatan rendah.

Pensijilan Profesional

108. Sebagai usaha untuk menggalakkan pembelajaran dewasa, KWSP akan memperluaskan skop pengeluaran bagi tujuan membiayai pendidikan di peringkat sijil khususnya bagi program yang diakreditasikan selari dengan aspirasi IR4.0 negara. KWSP juga sedang mengkaji untuk memperluaskan pengeluaran ini kepada ibu bapa dan pasangan pencarum. Di samping itu, Kerajaan akan menyediakan geran RM20 juta yang akan dipadankan dengan peruntukan RM20 juta daripada PSMB untuk menggalakkan golongan dewasa yang bekerja menduduki peperiksaan pensijilan profesional dalam bidang kursus berkaitan IR4.0.

MARA dan Yayasan Peneraju

109. Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap peluang pembelajaran di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju). Sasaran MARA tertumpu kepada Bumiputera berpendapatan rendah dan tinggal di luar bandar dengan menyediakan pendidikan melalui institusi seperti Maktab Rendah Sains MARA, Kolej Giat MARA dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Justeru, pada tahun 2020, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM1.3 bilion bagi institusi pendidikan di bawah MARA, dan sebanyak RM2 bilion bagi membiayai pinjaman untuk 50 ribu pelajar. Di samping itu, sebanyak RM192 juta juga diperuntukkan untuk program pensijilan profesional di bawah Yayasan Peneraju.

TERAS KETIGA: MEWUJUDKAN MASYARAKAT YANG BERSATU, INKLUSIF DAN SAKSAMA

Tan Sri Yang Dipertua,

110. Kesaksamaan ekonomi antara kaum, agama, geografi dan latar belakang merupakan tonggak sebuah negara yang bersatu. Untuk itu, Kerajaan berusaha membela dan memperkuasakan semua secara inklusif dan bukannya satu kelompok sahaja.

Strategi 8: Pembangunan Inklusif - Peruntukan RM10.9 bilion untuk Pembangunan Luar Bandar

111. Meskipun terdapat penambahbaikan dalam jurang pendapatan di Malaysia, Kerajaan akan terus meningkatkan usaha untuk merapatkan jurang pendapatan rakyat terutamanya di antara bandar dan luar bandar. Kerajaan akan meningkatkan peruntukan bagi pembangunan luar bandar daripada RM9.7 bilion dalam tahun 2019 kepada RM10.9 bilion dalam tahun 2020.

Merapatkan Jurang Pendapatan di antara Bandar dan Luar Bandar

112. Strategi di bawah pembangunan inklusif adalah untuk merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar dengan memperluaskan liputan infrastruktur asas bagi kawasan luar bandar, terutamanya untuk Sabah dan Sarawak.

113. Untuk 2020, kira-kira RM587 juta akan diperuntukkan untuk Projek Bekalan Air Luar Bandar, di mana RM470 juta untuk Sabah dan Sarawak bagi memenuhi sasaran 99 peratus akses kepada air bersih.

114. Kerajaan juga akan membelanjakan RM500 juta untuk Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar yang memberi manfaat kepada lebih 30 ribu isi rumah luar bandar di mana majoriti penerima faedah tinggal di Sabah dan Sarawak.

115. Satu lagi keutamaan pembangunan ialah jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa, dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion di seluruh Malaysia di mana tumpuan diberikan untuk membina jalan luar bandar di Sabah dan

Sarawak. Projek-projek di Sabah sebanyak RM326 juta dan Sarawak sebanyak RM224 juta akan memberi faedah kepada 145 ribu penduduk.

116. Kerajaan tetap komited untuk menyiapkan projek Lebuh Raya Pan Borneo, yang merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di Sabah dan Sarawak. Proses rasionalisasi kos setakat ini telah menghasilkan penjimatan sebanyak RM1.2 bilion, mengurangkan kos projek kepada RM29 bilion. Penjimatan ini membolehkan perancangan Kerajaan untuk projek lain bagi memacu pertumbuhan ekonomi termasuk di Sabah dan Sarawak seperti Lebuh Raya Trans Borneo sepanjang 165 km yang menghubungkan Sabah dan Sarawak ke Kalimantan Timur. Antara komponen penting projek ini adalah pakej bernilai RM600 juta untuk 40 km Jalan Kalabakan-Serudong dan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS) dan kuarters perumahan kerajaan.

117. Di samping itu, pada tahun 2018, Sabah dan Sarawak merupakan penerima tertinggi Pemberian Kerajaan Persekutuan masing-masing sebanyak RM1.14 bilion dan RM1.3 bilion. Bagi tahun 2020, Sabah dan Sarawak kekal sebagai negeri yang menerima Perbelanjaan Pembangunan tertinggi dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM5.2 bilion dan RM4.4 bilion. Peruntukan tersebut membuktikan bahawa kerajaan Pakatan Harapan mengutamakan keperluan Sabah dan Sarawak. Dalam semangat yang sama, Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk meningkatkan geran kewangan kepada Sabah dan Sarawak seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

118. Pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan merupakan sebahagian daripada geran persekutuan. Sejak tahun 1969, kadar Pemberian Khas tahunan ini iaitu sebanyak RM26.7 juta untuk Sabah dan RM16 juta untuk Sarawak belum pernah disemak semula. Oleh itu, buat pertama kalinya bermula tahun 2020, Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk menggandakan kadar tersebut kepada RM53.4 juta untuk Sabah dan RM32 juta untuk Sarawak. Bagi menunjukkan keperihatinan terhadap rakyat di Sabah dan Sarawak, Kerajaan akan menggandakan lagi kadar Pemberian Khas sehingga RM106.8 juta untuk Sabah dan RM64 juta untuk Sarawak dalam tempoh lima tahun.

119. Selain itu, sejumlah RM4.85 bilion juga akan disediakan di bawah MARRIS kepada semua Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan jalan raya negeri. Garis panduan sedia ada tidak membenarkan dana MARRIS digunakan untuk kerja-kerja membaiki dan menaik taraf jalan. Justeru, untuk memberi lebih kelonggaran, Kerajaan Negeri dibenarkan menaik taraf jalan, jambatan, parit, longkang dan cerun dengan menggunakan dana MARRIS sehingga 15 peratus atau RM20 juta, yang mana lebih rendah.

120. Bagi memastikan pembangunan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak mendapat barangan keperluan asas seperti LPG dan petrol pada harga yang berpatutan, Kerajaan akan memperuntukkan RM170 juta untuk membiayai kos pengangkutan dan pengedaran barang asas ke kawasan luar bandar.

Subsidi Dinaikkan kepada RM24.2 bilion

Tan Sri Yang Dipertua,

121. Peruntukan untuk subsidi dan bantuan sosial akan ditingkatkan daripada RM22.3 bilion untuk tahun 2019 kepada RM24.2 bilion, termasuk bantuan kebajikan seperti Bantuan Sara Hidup (BSH) dan subsidi yang berkaitan dengan pertanian, bahan api dan kadar faedah.

Bantuan Sara Hidup

122. Pada tahun 2019, Skim Bantuan Sara Hidup (BSH) telah memberikan manfaat kepada 3.9 juta isi rumah. Mulai tahun depan, Kerajaan akan memperuntukkan RM5 bilion untuk BSH dan memperluaskan skim ini meliputi 1.1 juta individu bujang berumur melebihi 40 tahun yang berpendapatan kurang daripada RM2 ribu sebulan. Sebagai tambahan, OKU berumur 18 tahun dan ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM2 ribu sebulan juga layak menerima bayaran BSH. Individu bujang berumur 40 tahun ke atas dan OKU layak menerima sebanyak RM300 dan secara automatik menjadi penerima Skim Takaful mySalam secara percuma.

Perusahaan Sosial dan Pembangunan Komuniti

123. Kerajaan akan terus menyokong agensi kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam aktiviti mereka, tetapi tidak terhad kepada:

- Pertama** : Sebanyak RM575 juta akan disediakan untuk bantuan sosioekonomi yang memanfaatkan 137 ribu warga emas dengan pendapatan isi rumah di bawah garis kemiskinan. Selain itu, Kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak RM4.6 juta kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) untuk menampung perbelanjaan 129 pusat di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada 37 ribu warga emas;
- Kedua** : Peruntukan RM80 juta untuk menaik taraf, membaiki dan menyelenggara 67 pelbagai institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuk pusat jagaan kanak-kanak, OKU dan warga emas;
- Ketiga** : Sejumlah RM25 juta diperuntukkan untuk mengurus, mentadbir dan memperluaskan program *Food Bank* ke seluruh negara, iaitu satu inisiatif bagi mengagihkan semula sebanyak 3 ribu tan metrik makanan berlebihan yang diderma setiap hari kepada kumpulan sasaran yang memerlukan, terutamanya golongan B40;
- Keempat** : Sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk lima Pusat Latihan Berdikari (*Independent Learning Centre*) baharu, program latihan bagi Sindrom Down dan TASKA OKU. Dalam masa yang sama, perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan latihan kepada golongan OKU akan dikecualikan cukai perkhidmatan;
- Kelima** : Sebanyak RM15 juta diperuntukkan kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan bagi melaksanakan program RINTIS bersama NGO dan komuniti tempatan bagi meningkatkan keberkesanan program pemulihan dadah; dan

Keenam : Kerajaan mengambil berat akan kebajikan golongan gelandangan. Oleh itu, pada tahun 2020, sebanyak RM4.5 juta diperuntukkan untuk Anjung Singgah yang memanfaatkan tujuh ribu gelandangan.

124. Semasa Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-16, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah memperagakan Kain Tenun Pahang Diraja yang ditenun oleh penghuni Penjara Penor dan Bentong. Sehubungan itu, bagi mengembangkan latihan kemahiran dan program banduan untuk memenuhi standard TVET kebangsaan, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM20 juta khusus bagi program perkhidmatan makanan (F&B), pertukangan, perkhidmatan dobi dan kimpalan.

125. Bagi menyokong pertumbuhan perusahaan sosial untuk membantu meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi dalam membina komuniti, Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) juga akan diperuntukkan sebanyak RM10 juta.

126. Kerajaan juga akan memperuntukkan tambahan RM10 juta kepada Malaysia Co-Investment Fund Scheme (MyCIF). Ini adalah khusus untuk perusahaan sosial bagi mengumpul dana menerusi platform pembiayaan P2P di mana MyCIF akan melabur dengan pelabur swasta secara sepadan (*one-to-one*) dengan menyediakan pembiayaan pada kadar yang berpatutan.

127. Selanjutnya, bagi menggalakkan sektor swasta menderma untuk meningkatkan tanggungjawab sosial, berkuat kuasa 5 September 2019 Kerajaan telah meningkatkan nilai ambang pelaporan derma dari RM5 ribu kepada RM10 ribu di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Mulai 2020, amaun ini akan dinaikkan kepada RM20 ribu.

128. Bagi terus memupuk budaya menderma di kalangan rakyat Malaysia, potongan cukai ke atas sumbangan tunai kepada aktiviti kebajikan, sukan serta projek berkepentingan nasional yang pada masa ini dihadkan kepada 7 peratus daripada pendapatan agregat bagi pembayar cukai selain syarikat dinaikkan dan diselaraskan

dengan had 10 peratus seperti yang dinikmati oleh syarikat. Potongan cukai juga diperluaskan kepada:

Pertama : Sumbangan wakaf tunai kepada pihak berkuasa agama negeri atau badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama negeri untuk mentadbir wakaf;

Kedua : Sumbangan wakaf tunai kepada universiti awam yang diluluskan untuk menerima wakaf oleh pihak berkuasa agama negeri; dan

Ketiga : Sumbangan endowmen dalam bentuk tunai kepada universiti awam.

129. Pada masa ini, pengecualian cukai pendapatan diberikan ke atas semua pendapatan yang diterima oleh institusi atau organisasi keagamaan yang ditubuhkan bagi tujuan penyembahan dan pengembangan agama dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Bermula tahun 2020, layanan cukai ini akan diperluaskan kepada institusi dan organisasi keagamaan yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

130. Peruntukan sebanyak RM57 juta akan diberikan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi menyediakan kebajikan dan bantuan kepada masyarakat Orang Asli. Selain itu, tambahan RM83 juta disediakan bagi pembangunan ekonomi, pendidikan dan infrastruktur masyarakat Orang Asli.

131. Kerajaan peka dan prihatin terhadap kesukaran dan cabaran khusus yang dihadapi oleh masyarakat India. Oleh itu, Kerajaan sekali lagi akan memperuntukkan geran sebanyak RM100 juta kepada Unit Transformasi India Malaysia (MITRA), di mana 80 peratus dikhususkan kepada program yang dilaksanakan dan bukannya kepada organisasi tertentu. Ia bertujuan menambah baik keadaan sosioekonomi, kesihatan, pendidikan dan pemeraksanaan wanita serta pembangunan kemahiran masyarakat India.

132. Bagi menyokong pembangunan dan pembaikan infrastruktur asas di kampung-kampung baru, Kerajaan akan menyediakan RM85 juta pada tahun 2020.

Agenda Bumiputera

Tan Sri Yang Dipertua,

133. Dalam Belanjawan 2019, sebanyak RM7.6 bilion telah diperuntukkan untuk membantu institusi dan usahawan Bumiputera. Jumlah ini akan ditambah kepada RM8 bilion dalam Belanjawan 2020 seperti berikut:

Pertama : RM6.6 bilion diperuntukkan kepada institusi Bumiputera yang fokus dalam pendidikan seperti MARA, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Yayasan Peneraju;

Kedua : RM1 bilion bagi membantu pembiayaan PKS Bumiputera melalui SJPP dan SME Bank; dan

Ketiga : RM445 juta diperuntukkan untuk program keusahawanan di bawah TEKUN Nasional, SMECorp, PUNB, PHB dan TERAJU.

134. Bagi tahun ini sehingga Ogos, syarikat Bumiputera telah berjaya memperoleh kontrak projek baharu Kerajaan melalui tender bernilai lebih daripada RM3.6 bilion. Pada tahun 2020, Kerajaan juga akan terus memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus tender setiap kementerian dikhaskan untuk kontraktor Bumiputera.

Menegakkan Syiar Islam

Tan Sri Yang Dipertua,

135. Kerajaan akan terus menegakkan kedudukan agama Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, dalam Belanjawan 2020, peruntukan bagi hal ehwal Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri akan ditingkatkan kepada RM1.3 bilion berbanding RM1.2 bilion pada tahun ini.

136. Kerajaan juga akan menaikkan elaun Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) sebanyak RM100 sebulan kepada 33,200 guru KAFA sedia ada dengan peruntukan tambahan sebanyak RM46 juta.

137. Sebagai penghargaan terhadap peranan mereka dalam masyarakat, Kerajaan mencadangkan bantuan khas secara *one-off* sebanyak RM500 kepada setiap Imam, Bilal (Muazzin), Tok Siak/Noja/Merbot (penjaga masjid) dan Guru Takmir.

138. Kerajaan akan memperuntukkan RM10 juta kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk inisiatif Rahmatan Lil-Alamin bertujuan membangunkan pemahaman Maqasid Syariah melalui beberapa program pemerkasaan dan perbincangan.

Strategi 9: Ke Arah Perkhidmatan Kesihatan Yang Lebih Baik

Tan Sri Yang Dipertua,

139. Kerajaan tetap komited bagi memastikan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti untuk semua selaras dengan aspirasi masyarakat yang inklusif. Untuk itu, Kerajaan akan menyediakan peruntukan bagi meningkatkan langkah pencegahan bertujuan mengurangkan beban perbelanjaan penjagaan kesihatan awam. Pada tahun 2020, sejumlah RM30.6 bilion berbanding RM28.7 bilion di bawah Belanjawan 2019 akan diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan merangkumi:

Pertama : RM1.6 bilion untuk membina hospital baharu dan menaik taraf serta membesarkan hospital sedia ada. Ini termasuk di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, Hospital Kampar, Hospital Labuan dan Pusat Kardiologi Hospital Queen Elizabeth II di Sabah;

Kedua : Sebanyak RM319 juta untuk membina dan menaik taraf klinik kesihatan dan pergigian serta kemudahan kuarters. Untuk itu, klinik baharu akan dibina di Setiu, Sungai Petani dan Cameron Highlands serta Kudat dan Tawau di Sabah, dan Long San dan Simpang Simunjan di Sarawak;

- Ketiga** : Sejalan dengan prinsip budaya Memperbaiki, Mengganti dan Memulihkan (3R - *Repair, Replace and Restore*) sebanyak RM227 juta disediakan untuk menaik taraf peralatan perubatan, manakala RM95 juta untuk pengubahsuaian infrastruktur dan kemudahan perubatan seperti di Hospital Pontian;
- Keempat** : Sebagai memenuhi salah satu janji manifesto Pakatan Harapan, peruntukan permulaan sebanyak RM60 juta akan disediakan untuk menyediakan vaksin *pneumococcal* kepada semua kanak-kanak;
- Kelima** : Bagi memastikan perkhidmatan kecemasan dan trauma lebih responsif, RM59 juta akan diperuntukkan untuk menambah bilangan ambulans melalui kerjasama dengan perkhidmatan ambulans NGO;
- Keenam** : Sejumlah RM31 juta diperuntukkan bagi menaik taraf dan menyelenggara perkhidmatan ICT, antara lain melaksanakan projek rintis bagi sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) di hospital; dan
- Ketujuh** : Sejalan dengan Matlamat Pembangunan Mampan untuk mencapai liputan kesihatan sejagat, sejumlah RM5 juta diperuntukkan bagi menyediakan perkhidmatan Klinik Bergerak untuk memudahkan penduduk di kawasan luar bandar terutamanya Orang Asli mendapatkan rawatan perubatan.

Perluasan mySalam & PeKa B40

Tan Sri Yang Dipertua,

140. MySalam merupakan skim perlindungan kesihatan takaful percuma yang diperkenalkan oleh kerajaan Pakatan Harapan untuk 4.3 juta individu sekiranya menghadapi penyakit kritikal atau dimasukkan ke hospital. Bagi mereka yang disahkan menghidap penyakit kritikal, mereka akan menerima bayaran tunai sebanyak RM8 ribu. Manakala, bagi mereka yang dimasukkan ke hospital kerajaan, boleh menuntut bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari. Semua penerima isi rumah BSH yang berumur antara 18 hingga 55 tahun dilindungi secara automatik dan percuma.

141. Mulai 1 Januari 2020, perlindungan mySalam akan dipanjangkan kepada:

- Pertama** : Perlindungan ke atas 45 penyakit kritikal termasuk penyakit terminal dan polio berbanding 36 penyakit sedia ada;
- Kedua** : Individu yang berumur sehingga 65 tahun berbanding dengan 55 tahun sekarang, yang akan memberi manfaat tambahan kepada 1.5 juta individu; dan
- Ketiga** : Individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100 ribu. Mereka akan menerima bayaran penyakit kritikal sebanyak RM4 ribu dan bayaran penggantian pendapatan sebanyak RM50 sehari untuk tempoh maksimum 14 hari apabila didiagnos dan dimasukkan ke hospital kerajaan. Ini akan memberi manfaat kepada 5 juta individu.

142. Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40) telah dilancarkan untuk menyediakan pemeriksaan dan intervensi awal bagi mengesan penyakit tidak berjangkit seperti kesihatan mental dan kanser untuk mereka yang berusia antara 50 tahun hingga 60 tahun. Setakat ini, 100 ribu individu telah memperoleh manfaat daripada inisiatif ini. Mulai tahun hadapan, Kerajaan akan memperluaskan liputan PeKa B40 kepada individu yang berumur 40 tahun dan ke atas.

Insentif Kesuburan

143. Hari ini, kadar kesuburan di Malaysia telah menurun dengan ketara daripada 4.9 bayi pada tahun 70an kepada 1.9 bayi bagi setiap wanita, iaitu di bawah paras penggantian. Oleh itu, bagi membantu pasangan mendapatkan rawatan kesuburan, KWSP akan memperkenalkan kategori pengeluaran baharu kepada pasangan yang menjalani rawatan kesuburan seperti *in-vitro fertilisation (IVF)*. Selain itu, pelepasan cukai pendapatan sehingga RM6 ribu yang diberikan ke atas perbelanjaan rawatan perubatan untuk penyakit serius akan diperluaskan untuk merangkumi kos rawatan kesuburan.

Pelan Persaraan Swasta

144. Pelan Persaraan Swasta (PRS) menawarkan alternatif bagi rakyat menabung terutamanya bagi mereka yang tidak tertakluk kepada Skim Simpanan Persaraan wajib. Kerajaan bercadang untuk membenarkan pengeluaran sebelum persaraan bagi kos rawatan kesihatan dan kos perumahan selaras dengan syarat KWSP serta tidak dikenakan penalti cukai bagi pengeluaran awal.

Strategi 10: Meningkatkan Ekosistem Pengangkutan

Tan Sri Yang Dipertua,

145. Kerajaan komited untuk meningkatkan mobiliti rakyat dengan mengurangkan kos serta menambah baik infrastruktur pengangkutan.

Mengutamakan Pengangkutan Awam

146. Pada Januari 2019, Kerajaan telah memperkenalkan pas bulanan tanpa had My50 dan My100 untuk semua perkhidmatan rel dan bas RapidKL. Skim ini telah memberi manfaat kepada lebih 120 ribu pengguna pengangkutan awam. Kerajaan juga telah melancarkan Pas Mutiara di Pulau Pinang yang menyediakan perjalanan tanpa had selama sebulan dengan harga RM50 bagi perkhidmatan Rapid Bus dan Rapid Ferry.

147. Bagi menunjukkan komitmen Kerajaan untuk menambah baik pengangkutan awam serta mewujudkan bandar bersih dan hijau, Kerajaan berhasrat menyediakan sehingga 500 bas elektrik pelbagai saiz dengan kos RM450 juta untuk pengangkutan awam di bandar-bandar terpilih seluruh negara.

148. Untuk kemudahan penduduk luar bandar pula, Kerajaan akan terus menyokong sambungan *last-mile* di kawasan luar bandar dan bandar dengan memberi subsidi kepada pengusaha bas dengan peruntukan sebanyak RM146 juta pada tahun 2020.

149. Selain itu, Kerajaan akan menaik taraf landasan keretapi di kawasan Gorge Line antara Stesen Halogilat ke Stesen Tenom di Sabah dengan kos sebanyak RM50 juta. Ini akan meningkatkan keselamatan perjalanan penduduk tempatan di samping menjadi tarikan pelancong.

Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh

150. Kerajaan juga bercadang untuk menaik taraf lapangan terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh termasuk memanjangkan landasan. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan akan mempelawa cadangan kerjasama awam swasta bagi merealisasikan projek ini.

Mengurangkan kesesakan Tambak Johor

151. Saban hari, lebih 300 ribu rakyat Malaysia berulang alik ke Singapura. Bagi mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan Linkedua, Kerajaan akan melabur sebanyak RM85 juta bermula tahun 2020 untuk melancarkan aliran trafik kenderaan khususnya yang melalui Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ). Melalui peruntukan tersebut, 50 kaunter tambahan akan dibuka untuk penunggang motosikal serta kaunter imigresen dan Projek Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) juga akan ditambah baik. Sebagai sebahagian daripada langkah jangka panjang untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas, Kerajaan berhasrat untuk meneruskan projek Sistem Rapid Transit (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura.

Mengurangkan Beban Tol Lebuh Raya

Tan Sri Yang Dipertua,

152. Dalam Manifesto Pakatan Harapan, adalah dinyatakan bahawa rundingan akan dilaksanakan untuk mendapatkan harga yang terbaik untuk mengambil alih setiap konsesi tol dengan matlamat akhir untuk menghapuskan kutipan tol secara berperingkat.

153. Jemaah Menteri sedang menimbangkan kesemua cadangan, termasuk daripada Khazanah Nasional Berhad, untuk mengambil alih atau melupuskan semua saham PLUS Malaysia Berhad. Selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan, rakyat boleh menikmati diskaun sebanyak 18 peratus secara purata di semua lebuhraya milik PLUS. Cadangan yang diterima hendaklah memberi impak positif fiskal dan tidak meningkatkan beban hutang dan bayaran khidmat hutang Kerajaan. Diskaun tol sebanyak 18 peratus ini akan memberikan penjimatan kepada pengguna lebuhraya tersebut sehingga RM1,130 juta pada tahun 2020, dan untuk sepanjang baki tempoh konsesi sehingga 2038, penjimatan kepada pengguna dan rakyat sebanyak RM43 bilion.

154. Selain itu, Jemaah Menteri juga telah meluluskan pengambilalihan empat lebuhraya Lembah Klang iaitu Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Sprint (SPRINT) dan Terowong SMART (SMART). Pengenalan caj kesesakan di mana caj kesesakan pada waktu sekitar puncak dan waktu biasa diturunkan sehingga 30 peratus berbanding dengan kadar tol semasa serta percuma semasa waktu bukan puncak, akan menjimatkan pengguna lebuhraya sehingga RM180 juta setahun, atau RM2 bilion sehingga akhir hayat konsesi. Konsesi sedia ada tidak akan dilanjutkan dan akan tamat mengikut perjanjian konsesi sedia ada.

155. Pengambilalihan lebuhraya ini tidak akan membebankan Kerajaan kerana kos pembiayaan, operasi dan penyelenggaraan akan dibiayai sepenuhnya melalui kutipan tol dan caj kesesakan tanpa memerlukan peruntukan daripada Kerajaan pada masa hadapan. Jelas sekali, Kerajaan menolak dasar Kerajaan terdahulu yang “menswastakan keuntungan dan merakyatkan kerugian”.

156. Semasa Belanjawan 2019, Kerajaan telah menghapuskan tol motosikal di Jambatan Pertama dan Kedua Pulau Pinang. Mulai 1 Januari 2020, bagi menyeragamkan kadar tol di antara Jambatan Pertama dan Kedua, kadar tol untuk kategori kereta persendirian di Jambatan Kedua Pulau Pinang akan disamakan dengan Jambatan Pertama iaitu dikurangkan daripada RM8.50 kepada RM7.00.

Program Subsidi Petrol Bersasar

157. Program Subsidi Petrol (PSP) bersasar merupakan sebahagian daripada janji Pakatan Harapan. Setiap rakyat yang memiliki tidak melebihi dua kereta dan dua motosikal yang layak, akan berhak menerima PSP untuk satu kenderaan sahaja.

158. Kenderaan yang layak untuk subsidi ini adalah seperti berikut:

- Kereta dengan kapasiti enjin 1,600cc dan ke bawah; atau
- Kereta dengan kapasiti enjin melebihi 1,600cc yang berusia lebih 10 tahun; atau
- Motosikal dengan kapasiti enjin sehingga 150cc dan ke bawah; atau
- Motosikal dengan kapasiti enjin melebihi 150cc yang berusia lebih tujuh tahun.

Kenderaan mewah tidak layak menikmati subsidi bersasar ini.

159. Bermula Januari 2020, PSP akan dilancarkan di Semenanjung Malaysia dengan dua kategori kelayakan seperti berikut:

Pertama : Bagi penerima BSH (B40) yang layak, subsidi petrol yang diberikan untuk setiap penerima adalah sebanyak RM30 sebulan untuk pemilik kereta atau RM12 sebulan untuk pemilik motosikal. Subsidi ini akan diberi dalam bentuk pemindahan tunai dan akan dikreditkan terus ke akaun bank penerima setiap empat bulan. Pembayaran pertama akan dibuat pada bulan April 2020 bagi tempoh Januari hingga April 2020; dan

Kedua : Bagi semua pemandu lain yang layak dan bukan penerima BSH, mereka akan menerima Kad95 yang membolehkan mereka menikmati subsidi petrol

30 sen per liter terhad kepada 100 liter sebulan bagi kereta atau 40 liter sebulan bagi motosikal. Kad95 akan dilaksanakan secara berperingkat pada suku pertama 2020.

160. Apabila skim subsidi bahan api ini dilaksanakan, harga runcit RON95 dan diesel akan diapungkan secara beransur-ansur. Ini akan mengurangkan ketirisan dan penyeludupan bahan api bersubsidi rentas sempadan yang menyebabkan kerugian besar kepada pihak Kerajaan. Subsidi layak diberikan sekiranya harga pasaran RON95 yang ditentukan oleh Mekanisme Penetapan Harga Automatik (APM) melebihi RM2.08 seliter dan tiada subsidi akan diberikan sekiranya harga berada di bawah RM2.08 seliter.

161. Untuk itu, Kerajaan akan memperuntukkan RM2.2 bilion bagi skim PSP yang akan memberi manfaat kepada kira-kira lapan juta pemandu. Pemandu kenderaan di Sabah dan Sarawak akan terus menikmati siling harga petrol bersubsidi pada RM2.08 seliter untuk RON95 dan RM2.18 untuk diesel. Sekiranya Kerajaan Sabah dan Sarawak ingin menyertai PSP ini, maka Kerajaan bersedia menerima permintaan mereka.

Strategi 11: Meningkatkan Akses kepada Perumahan

Tan Sri Yang Dipertua,

Skim Rumah Mampu Milik

162. Pada Januari 2019, BNM telah melancarkan Dana Rumah Mampu Milik bagi membantu pembeli rumah golongan berpendapatan rendah untuk membeli rumah pertama mereka, dengan nilai hartanah sehingga RM150 ribu pada kadar faedah konsesi sehingga 3.5 peratus. Sejak 1 September 2019, kriteria kelayakan ini telah diperluaskan dengan menetapkan nilai hartanah sehingga RM300 ribu bagi isi rumah berpendapatan maksimum RM4,360 sebulan, yang merupakan pendapatan ambang untuk B40. Sehingga September 2019, sebanyak 2,840 permohonan berjumlah RM472.7 juta telah diterima. Kadar kelulusan adalah sebanyak 77.9 peratus dengan 982 jumlah permohonan bernilai RM156.2 juta diluluskan.

163. Melalui kerjasama sektor swasta, Kerajaan juga telah melancarkan Kempen Pemilikan Rumah di mana pemaju menawarkan sekurang-kurangnya diskaun 10 peratus untuk hartanah yang layak dan akan dipadankan dengan pengecualian duti setem. Setakat ini, sebanyak kira-kira 21 ribu unit rumah bernilai RM13.44 bilion telah berjaya dijual di bawah kempen ini yang melebihi sasaran jualan awal sebanyak RM3 bilion. Oleh itu, Kerajaan juga telah melanjutkan tarikh akhir kempen ini selama enam bulan lagi daripada 30 Jun 2019 kepada 31 Disember 2019.

164. Bagi membantu mereka yang tidak mampu membayar deposit 10 peratus dan sukar mendapatkan akses pembiayaan pembelian rumah, Kerajaan akan mengadakan usahasama dengan institusi kewangan untuk memperkenalkan Skim Pembiayaan Sewa untuk Memiliki (*Rent To Own - RTO*). Melalui skim ini, pembiayaan sebanyak RM10 bilion akan disediakan oleh institusi kewangan dengan sokongan Kerajaan melalui penyediaan jaminan sebanyak 30 peratus atau RM3 bilion. Skim RTO ini adalah untuk pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500 ribu. Di bawah skim ini, pemohon akan menyewa rumah bagi tempoh sehingga lima tahun dan selepas setahun, diberi pilihan untuk membeli rumah kediaman berkenaan pada harga yang ditetapkan semasa perjanjian penyewaan ditandatangani. Kerajaan juga akan memberi pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas instrumen pindah milik di antara pemaju dan institusi kewangan, serta di antara institusi kewangan dan bakal pembeli.

165. Bagi mengurangkan lambakan kondominium dan pangsapuri yang tidak terjual yang dianggarkan berjumlah RM8.3 bilion pada suku kedua tahun 2019, Kerajaan bercadang menurunkan nilai ambang bagi kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar daripada RM1 juta kepada RM600 ribu pada tahun 2020 untuk pemilikan asing.

166. Bagi membantu belia untuk memiliki rumah pertama, Kerajaan akan melanjutkan Skim Perumahan Belia yang dikendalikan oleh BSN mulai 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2021. Skim ini juga menawarkan jaminan pinjaman sebanyak 10 peratus melalui Cagamas untuk membolehkan

peminjam mendapatkan pembiayaan penuh dan bantuan ansuran bulanan sebanyak RM200 sebulan untuk dua tahun pertama terhad kepada 10 ribu unit rumah.

167. Sebagai respon kepada pandangan rakyat berhubung dengan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan ke atas pelupusan harta tanah oleh individu warganegara dan pemastautin tetap selepas tempoh lima tahun, Kerajaan akan menambah baik layanan CKHT tersebut dengan menetapkan nilai pasaran pada 1 Januari 2013 sebagai harga pemerolehan harta tanah bagi harta tanah yang diperolehi sebelum 1 Januari 2013 berbanding 1 Januari 2000 yang ditetapkan sebelum ini.

Penyelenggaraan Perumahan Berstrata Bagi Kos Rendah dan Sederhana

168. Kerajaan mengambil berat mengenai keadaan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana yang tidak diselenggara dengan baik. Pada tahun 2020, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM100 juta untuk membaik pulih perumahan tersebut bagi memastikan perkhidmatan lif, pendawaian elektrik, paip pembetulan dan bumbung adalah selamat dan berada dalam keadaan baik.

169. Kerajaan akan memperuntukkan RM15 juta untuk inisiatif Bandar Selamat dan akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan lampu jalan, kawasan parkir motosikal dengan ciri keselamatan dan pagar antipanjat serta program keselamatan lain.

Strategi 12: Perpaduan melalui Sukan

Tan Sri Yang Dipertua,

170. Sukan boleh menyatupadukan rakyat. Oleh itu, Kerajaan akan menyediakan peruntukan untuk sukan seperti berikut:

Pertama : RM299 juta untuk pelaksanaan Program Sukan Untuk Semua termasuk memulih dan menaik taraf kemudahan sukan, termasuk Kompleks Belia dan Sukan dan Kompleks Sukan Komuniti seluruh negara;

Kedua : RM179 juta akan diperuntukkan untuk persiapan kejohanan antarabangsa seperti Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan Sukan SEA Hanoi 2021 serta pembangunan atlet paralimpik; dan

Ketiga : RM45 juta diperuntukkan untuk Program Pembangunan Bola Sepak Negara berbanding dengan RM15 juta pada Belanjawan 2019.

171. Kejayaan atlet wanita negara seperti Datuk Nicol Ann David, Pandelega Rinong dan Farah Ann Abdul Hadi ke peringkat tertinggi telah membanggakan rakyat dan negara. Bagi melahirkan lebih ramai lagi atlet wanita bertaraf dunia pada masa akan datang, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk pembangunan atlet wanita.

172. Kerajaan akan terus mempergiatkan program pembangunan belia dengan memperuntukkan sebanyak RM138 juta untuk Kelab Pemuda Belia (YPC), Malaysia Future Leaders School (MFLS) dan inisiatif sukarelawan.

Strategi 13: Mempromosikan Kelestarian Alam Sekitar

Tan Sri Yang Dipertua,

173. Baru-baru ini negara telah dikejutkan dengan insiden pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim dan Pasir Gudang serta masalah jerebu rentas sempadan. Sebanyak RM30 juta akan diperuntukkan untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia bagi menangani masalah ini.

174. Bagi mengurangkan kejadian banjir kilat, Kerajaan akan memperuntukkan RM443.9 juta untuk Rancangan Tebatan Banjir dan RM150 juta untuk menyelenggara pengurusan kolam takungan banjir sedia ada.

175. Selain itu, untuk membantu petani yang terkesan akibat bencana alam, Kerajaan akan mewujudkan Dana Bantuan Bencana sebanyak RM100 juta untuk menyediakan pinjaman pada kadar faedah 4 peratus.

Memulihara Hutan Kita

176. Bagi memulihara keaslian hutan dan biodiversiti semulajadi Malaysia, Kerajaan akan memperuntukkan RM48 juta bagi tujuan tersebut di mana RM10 juta akan dikhususkan kepada sektor swasta melalui geran padanan. Usaha ini termasuklah menyokong inisiatif Central Forest Spine dan Heart of Borneo selain memulihara hutan terosot.

177. Dianggarkan terdapat kurang daripada 200 harimau Malaya dan 11 ribu orang utan yang menghuni hutan. Bagi menyokong usaha untuk melindungi haiwan terancam ini, Kerajaan akan menyediakan RM15 juta kepada Malaysian Conservation Alliance for Tigers (MYCAT), Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok dan NGO lain.

178. Sejumlah RM20 juta disediakan untuk melantik renjer dari kalangan askar yang telah bersara dan masyarakat Orang Asli setempat bagi melindungi flora dan fauna kita dengan lebih baik.

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

179. Kerajaan akan memperuntukkan RM10 juta untuk dana padanan bersama Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) antara Kerajaan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi membiayai inisiatif SDG di Malaysia. Sebagai tambahan, Kerajaan akan memperuntukkan RM5 juta untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan juga aktiviti berkaitan SDG di peringkat akar umbi yang melibatkan Ahli Parlimen dan masyarakat setempat.

Pertahanan dan Keselamatan Awam

180. Bagi memastikan keselamatan negara terpelihara, peruntukan kepada Kementerian Dalam Negeri akan diperkukuhkan daripada RM15.6 bilion untuk 2019 kepada RM16.9 bilion untuk 2020.

181. Bagi mempertahankan kedaulatan negara, Kerajaan akan meningkatkan peruntukan Kementerian Pertahanan daripada RM13.9 bilion dalam tahun 2019 kepada RM15.6 bilion untuk

tahun 2020. Fokus utama akan bertumpu bagi menambah baik kesiapsiagaan pertahanan, termasuk meningkatkan mobiliti Angkatan Tentera Malaysia. Di samping itu, kesiapsiagaan melibatkan keperluan untuk menangani ancaman baru, seperti mempertahankan perairan di Sabah yang memerlukan peralatan atau aset seperti Bot Pemintas Laju (*Fast Interceptor Crafts*).

TERAS KEEMPAT: MEMULIHKAN INSTITUSI DAN KEWANGAN KERAJAAN

Tan Sri yang Dipertua,

182. Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Langkawi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi telah terjejas akibat skandal kleptokrasi global yang amat memalukan negara dan membabitkan jumlah melebihi RM150 bilion.

183. Kerajaan tetap komited untuk membayar semua obligasi pinjaman yang diwarisi daripada pentadbiran terdahulu. Bagi 1MDB dan SRC International, sejumlah RM2.4 bilion perlu disediakan oleh Kerajaan untuk melunaskan bayaran khidmat hutang bagi tahun 2019 dan ini akan meningkat kepada RM2.7 bilion untuk tahun 2020. Dalam hal ini, Kerajaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada rakyat Malaysia yang seikhlas hati telah menyumbang sebanyak RM203 juta kepada Tabung Harapan Malaysia. Sumbangan ini digunakan untuk membiayai sebahagian bayaran balik pinjaman tersebut.

184. Sehingga Julai 2019, kira-kira RM1.45 bilion telah dikembalikan oleh pihak berkuasa antarabangsa, termasuk hasil dari penjualan kapal layar mega, *Equanimity*. Kerajaan akan terus berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan semula setiap dana yang dicuri dan aset yang berada di seluruh dunia. Ini termasuk tindakan undang-undang ke atas Goldman Sachs serta 17 pengarahnya.

185. Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar nisbah hutang dan liabiliti negara berbanding KDNK iaitu 79.3 peratus KDNK pada tahun 2017 kepada 75.4 peratus pada tahun 2018.

Namun, jumlah ini meningkat kepada 77.1 peratus pada akhir Jun 2019. Antara sebabnya adalah komitmen jaminan yang meningkat untuk membiayai projek infrastruktur seperti Mass Rapid Transit 2 (MRT2) dan Lebuh Raya Pan Borneo serta menyokong pelan pemulihan Lembaga Tabung Haji (LTH) dengan menanggung liabiliti sebanyak RM20 bilion, atau 1.3 peratus daripada KDNK negara.

186. Jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan akan terus meningkat dengan mendadak sekiranya Kerajaan tidak merasionalisasikan pelbagai projek mega seperti Light Rapid Transit 3 (LRT3), MRT2 dan East Coast Rail Link (ECRL). Kerajaan menjimatkan sekurang-kurangnya RM46 bilion dalam perbelanjaan modal.

187. Di atas kepercayaan yang telah dibina antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Langkawi dengan Kerajaan Jepun, melalui Japan Bank for International Cooperation (JBIC), sekali lagi telah menawarkan jaminan tambahan bon Samurai dengan kadar kupon kurang daripada 0.5 peratus berbanding kadar terdahulu sebanyak 0.63 peratus. Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menerbitkan bon Samurai pada awal tahun depan, di mana saiznya akan ditentukan selepas perbincangan lanjut dengan JBIC.

Strategi 14: Komitmen Terhadap Konsolidasi Fiskal

Tan Sri Yang Dipertua,

188. Walaupun mewarisi bebanan hutang dan liabiliti melebihi RM1.1 trilion, namun Kerajaan tetap komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat. Pada tahun 2018, Kerajaan telah mencatatkan defisit fiskal sebanyak 3.7 peratus dan berada di landasan yang betul bagi mencapai sasaran defisit 3.4 peratus pada tahun 2019.

189. Semasa pembentangan Belanjawan tahun lalu, Kerajaan telah mengumumkan sasaran defisit 3 peratus untuk tahun 2020. Walau bagaimanapun, berikutan peningkatan risiko kelembapan ekonomi dunia dan perbelanjaan luar jangka untuk menyelamatkan institusi bermasalah yang diwarisi daripada pentadbiran terdahulu memerlukan langkah tindakan fiskal

awal. Demi memastikan ekonomi terus bertumbuh, Kerajaan kini menyasarkan defisit sebanyak 3.2 peratus pada tahun 2020. Kerajaan menjangkakan defisit fiskal akan menguncup secara purata kepada 2.8 peratus KDNK dalam jangka masa sederhana.

190. Belanjawan 2020 akan memperuntukkan sejumlah RM297 bilion, tidak termasuk simpanan luar jangka RM2 bilion. Ini merupakan peningkatan RM19.5 bilion berbanding RM277.5 bilion pada tahun 2019 tanpa mengambil kira peruntukan secara *one-off* bagi bayaran balik GST dan cukai pendapatan tertunggak. Belanjawan ini merangkumi RM241 bilion yang diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus manakala bakinya RM56 bilion untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Meningkatkan Hasil Kerajaan

191. Hasil Kerajaan dijangka mencecah RM244.5 bilion pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM11.2 bilion berbanding tahun 2019, tanpa mengambil kira dividen khas Petronas sebanyak RM30 bilion.

192. Walaupun hasil meningkat dengan menggalakkan, Malaysia masih mengutip cukai yang jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Bagi 2017, Malaysia hanya mencatatkan hasil kutipan cukai 13.1 peratus berbanding KDNK. Namun, negara-negara seperti Viet Nam, Chile, Poland dan Republik Korea Selatan masing-masing mencatat kutipan cukai sebanyak 19 peratus, 17.4 peratus, 16.8 peratus dan 15.4 peratus.

193. Bagi memastikan struktur cukai pendapatan yang lebih progresif, banjaran baharu bagi pendapatan bercukai melebihi RM2 juta akan diperkenalkan dan dikenakan cukai pada 30 peratus iaitu kenaikan 2 peratus daripada kadar 28 peratus sedia ada. Kenaikan ini akan hanya memberi kesan ke atas kira-kira dua ribu orang berpendapatan tinggi di negara ini.

194. Kerajaan telah mengurangkan kadar cukai pendapatan PKS sebanyak 1 peratus kepada 17 peratus pada tahun 2019. Bagi terus menyokong pertumbuhan PKS, had pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar

17 peratus akan dinaikkan daripada RM500 ribu kepada RM600 ribu, tertakluk kepada PKS dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta dan jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta.

195. Sehingga akhir September 2019, Kerajaan telah berjaya memulangkan bayaran balik GST sebanyak RM15.9 bilion kepada lebih 78 ribu syarikat dan bayaran balik cukai pendapatan sebanyak RM13.6 bilion kepada 448 ribu syarikat serta 184 ribu individu pembayar cukai. Kerajaan Pakatan Harapan telah menepati janji untuk mengembalikan wang kepada rakyat sebahagian besar RM37 bilion yang tidak dipulangkan sejak lima tahun lalu oleh Kerajaan terdahulu.

196. Bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan rayuan pembayar cukai, Kerajaan akan menggabungkan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan Tribunal Rayuan Kastam menjadi Tribunal Rayuan Cukai. Melalui penggabungan ini, pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri atau Ketua Pengarah Kastam boleh mengemukakan rayuan berkaitan cukai di bawah mana-mana undang-undang cukai yang berkenaan kepada tribunal tersebut bermula 2021.

197. Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan sebelum ini, Cukai Perkhidmatan Digital akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2020 yang melibatkan perkhidmatan seperti muat turun perisian, muzik, video atau pengiklanan digital. Pembekal perkhidmatan asing boleh mendaftar dengan Kastam bermula 1 Oktober 2019.

198. Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN) untuk semua perniagaan atau individu yang berumur 18 tahun ke atas yang mempunyai hasil pendapatan. Untuk memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan lancar, sesi libat urus akan diadakan dengan pihak berkepentingan pada tahun hadapan. Ini akan diperkenalkan pada tahun 2021.

199. Bagi memperkukuhkan lagi penguatkuasaan dan mengurangkan ketirisan daripada penyeludupan melalui kargo dalam kontena serta penipuan pengisytiharan duti kastam,

Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM235 juta untuk membeli tambahan 20 mesin pengimbas kargo untuk ditempatkan di semua pintu masuk pelabuhan yang strategik.

200. Bagi membendung aktiviti perjudian haram, Kerajaan akan mencadangkan penalti mandatori minimum sebanyak RM100 ribu untuk penjudi haram, dan hukuman penjara mandatori minimum enam bulan. Bagi pengendali perjudian haram, hukuman mandatori minimum RM1 juta dan hukuman penjara minimum 12 bulan akan dikenakan. Mulai tahun 2020, jumlah Cabutan Khas yang dibuat oleh Operator Nombor Ramalan akan dikurangkan daripada 11 kepada lapan kali cabutan setahun.

201. Kerajaan akan melupuskan aset yang telahpun diluluskan sebelum ini tetapi menerusi tender terbuka dan bukan rundingan terus seperti yang diamalkan sebelum ini. Langkah ini dijangka akan menjana hasil kepada negara melebihi RM3 bilion pada tahun 2020.

202. Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan Projek Bandar Malaysia dengan keluasan 486 ekar di Sungai Besi, Kuala Lumpur setelah berunding untuk mendapatkan terma yang lebih baik kepada Kerajaan. Projek ini akan merangkumi Taman Rakyat, dengan pertambahan lima ribu unit rumah mampu milik dan peningkatan penglibatan kontraktor Bumiputera dalam projek ini. Perolehan daripada projek ini akan dinilai dan diumumkan kelak, dan akan digunakan untuk mengurangkan hutang 1MDB.

Merasionalisasi Perbelanjaan Kerajaan

Tan Sri Yang Dipertua,

203. Kerajaan akan terus berinovasi untuk mengoptimumkan perbelanjaan dengan memusatkan dan menggabungkan tender dan perolehan ubat bernilai RM500 juta di Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan dan hospital universiti agar menjana penjimatan dari pembelian secara pukal.

204. Sudah menjadi lumrah pentadbiran terdahulu menumpukan pembinaan bangunan baharu tanpa menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk penyelenggaraan bangunan sedia ada. Ini

menyebabkan bangunan sedia ada uzur dan usang. Sungguhpun pengabaian sebegini tidak dapat dipulihkan dalam masa yang singkat, Kerajaan sekarang akan memberikan perhatian kepada falsafah 3R (*Repair, Replace, Restore*). Justeru, peruntukan Perbelanjaan Mengurus untuk membaiki dan menyelenggara aset awam sedia ada akan ditingkatkan kepada RM10.5 bilion pada 2020 berbanding hanya RM6.3 bilion pada tahun 2019.

Dasar Perolehan Tempatan

Tan Sri Yang Dipertua,

205. Kempen beli barangan Malaysia akan dipertingkatkan. Bagi menyokong industri peranti perubatan tempatan, Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif bagi menggalakkan pengeluaran tempatan untuk menaik taraf peralatan yang digunakan di klinik dan hospital Kerajaan, berdasarkan kepada sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah peruntukan.

206. Kerajaan sedang menambahkan peluang kepada lebih ramai kontraktor Bumiputera untuk menyertai perolehan Kerajaan. Lantaran itu, Kerajaan telah membuka semula pendaftaran bagi Kontraktor Bumiputera Gred 1 (G1) mulai 1 September 2019. Sehingga akhir September 2019, sejumlah 946 permohonan telah diterima. Kontraktor sedia ada dan baharu yang berdaftar akan layak membida projek-projek Kerajaan bernilai RM1.3 bilion yang dikhususkan untuk kontraktor Bumiputera.

Strategi 15: Memperkukuh Institusi, Tadbir Urus dan Integriti

Tan Sri Yang Dipertua,

207. Kerajaan telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019 dan sehingga kini, 115 inisiatif telah diperkenalkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 peratus telah berjaya dilaksanakan, manakala 78 peratus dalam pelaksanaan. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah pengisytiharan harta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri serta Ahli Parlimen.

208. Kerajaan komited untuk meningkatkan tahap tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). Kerajaan akan menambah 100 orang kakitangan SPRM pada tahun 2020. Selain itu, Kerajaan akan mengukuhkan Unit Integriti di semua kementerian dan agensi dengan memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi menjalankan Ujian Penilaian Risiko di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi.

209. Kerajaan akan melaksanakan pembaharuan melalui penggubalan undang-undang dan penubuhan institusi seperti:

Pertama : Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi meningkatkan keyakinan orang awam terhadap Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan

Kedua : Ombudsman Malaysia bagi menggantikan Biro Pengaduan Awam untuk meningkatkan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

210. Acapkali kita mendengar berkenaan isu kematian dan penganiayaan tahanan lokap. Atas keprihatinan Kerajaan terhadap isu ini, sebanyak RM50 juta diperuntukkan kepada Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) bagi menambah baik prosedur dan kemudahan tahanan, khususnya pemasangan 11,500 kamera litar tertutup (CCTV) di pusat tahanan polis dan pintu masuk imigresen.

Meningkatkan Perkhidmatan Awam

Tan Sri Yang Dipertua,

211. Perkhidmatan awam merupakan tonggak pentadbiran Kerajaan dalam mendokong kemajuan negara. Penjawat awam yang kini berjumlah 1.6 juta telah mendedikasikan kerjaya mereka untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara. Justeru, bagi menghargai sumbangan dan khidmat bakti penjawat awam, Kerajaan akan menambah baik saraan penjawat awam, antaranya:

- Pertama** : Meningkatkan Kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) sebanyak RM50 sebulan bagi kumpulan pelaksana dengan peruntukan tambahan sebanyak RM350 juta setahun;
- Kedua** : Membenarkan penebusan awal Gantian Cuti Rehat (GCR) sebanyak 75 hari untuk ganjaran wang tunai. Bayaran gantian ini adalah bagi penjawat awam yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun; dan
- Ketiga** : Menawarkan Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok bernilai RM100 ribu secara percuma selama dua tahun kepada peminjam baharu kemudahan pinjaman perumahan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

212. Sebagai tambahan, bagi membantu meringankan beban waris penjawat awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan, Kerajaan akan memperkenalkan:

- Pertama** : Faedah Ex-Gratia Kematian yang akan diberikan kepada waris penjawat awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan bernilai sehingga RM150 ribu; dan
- Kedua** : Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) diawalkan sebelum Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) kepada penjawat awam yang meninggal dunia dalam perkhidmatan.

213. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) akan menikmati kenaikan elaun sebanyak RM2 sejam mulai 1 Januari 2020 dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM26 juta.

214. Sebagai penghargaan kepada perkhidmatan yang telah mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, semua anggota Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan menerima Elaun Khas Skim Perkhidmatan Bomba sebanyak RM200 sebulan dengan peruntukan sebanyak RM35 juta bagi tahun 2020. Ini akan memberi manfaat kepada 14,400 anggota bomba.

215. Kerajaan menghargai pengorbanan dan keperwiraan anggota tentera, khususnya pemegang Pingat Jasa Malaysia. Oleh itu, bayaran secara *one-off* sebanyak RM500 akan diberikan kepada hampir 70 ribu pemegang Pingat Jasa Malaysia yang melibatkan peruntukan sebanyak RM35 juta.

216. Selaras dengan falsafah 3R (*Repair, Replace, Restore*), Kerajaan akan memperuntukkan RM330 juta kepada Bahagian Pengurusan Hartanah di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membaiki dan menyelenggara kuarters penjawat awam. Sebagai tambahan, RM150 juta untuk Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan RM250 juta untuk kuarters PDRM juga akan diperuntukkan bagi tujuan yang sama.

217. Kerajaan ingin merakamkan penghargaan kepada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, doktor, jururawat, guru dan semua penjawat awam atas bakti perkhidmatan mereka. Kerajaan ingin mengumumkan Bantuan Khas Kewangan RM500 untuk kakitangan awam Gred 56 dan ke bawah. Bagi pesara kerajaan, Bantuan Khas Kewangan RM250 akan diberikan. Ia juga turut dipanjangkan kepada veteran tidak berpencen. Kedua-dua bantuan ini akan dibayar sebelum akhir tahun 2019.

PENUTUP

Tan Sri Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini,

218. Terdapat keperluan untuk mengadakan libat urus yang membina bersama dengan dialog terbuka. Multilateralisme masih merupakan formula terbaik untuk menyelesaikan sebarang pertikaian. Sebarang kepincangan terhadap sistem ekonomi dan perdagangan dunia akan menyebabkan pertumbuhan merudum di mana tiada pihak yang menang, malah merugikan semua pihak.

219. Oleh yang demikian, Belanjawan yang dibentangkan pada hari ini telah mengambil kira kesemua cabaran tersebut. Untuk meningkatkan kemampuan pertumbuhan ekonomi, negara memerlukan dasar perindustrian yang lebih komprehensif.

Intervensi Kerajaan melalui dasar tertentu amat diperlukan untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti negara, mengutamakan pelaburan dalam sektor strategik, menyemarakkan semula industri berasaskan eksport dan menggalakkan keusahawanan. Tidak syak lagi, Belanjawan ini adalah belanjawan yang berorientasikan pertumbuhan, dengan langkah-langkah terancang yang dirangka bagi mengoptimumkan impak ke atas pertumbuhan ekonomi, penjanaaan peluang pekerjaan dan perubahan struktur tanpa menjejaskan komitmen Kerajaan untuk memulihkan keadaan fiskal dalam jangka sederhana.

220. Ekoran daripada langkah-langkah Belanjawan, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan KDNK diunjur berkembang 4.7 peratus pada tahun ini dan meningkat 4.8 peratus pada tahun 2020. Manakala kadar inflasi dijangka terus terkawal pada dua peratus pada tahun 2020. Sekiranya persekitaran luar kekal tidak memberangsangkan, Kerajaan bersedia menimbang untuk mengambil langkah-langkah kontigensi yang diperlukan bagi menyokong atau memangkin semula pertumbuhan ekonomi negara.

221. Belanjawan ini dirangka berasaskan pembaharuan institusi yang bermula sejak tahun lepas. Kerja keras Kerajaan telah membuahkan hasil di mana Malaysia merupakan antara negara terbaik dalam laporan Bank Dunia *Worldwide Governance Indicators* (WGI). Ini adalah bukti yang kukuh untuk menggambarkan kesan daripada kancan kleptokrasi yang diamalkan sebelum ini berbanding dengan amalan demokrasi sekarang.

222. Dengan penganjuran APEC 2020, Malaysia telah diberi peluang yang unik untuk memperkenalkan semula negara tercinta ke persada dunia. Ini adalah peluang bagi kita untuk membuktikan bahawa kita berada di landasan yang betul, sebuah negara yang berbangga kerana bersih, hijau, selamat dan sejahtera. Kini kita bermatlamatkan satu harapan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Langkawi yang mengilhamkan pelbagai inisiatif dalam Belanjawan ini.

223. Wawasan Kemakmuran Bersama meneruskan kesinambungan Wawasan 2020, yang disulami dengan idea, idealisme, inovasi, pembaharuan institusi dan integriti untuk membentuk Malaysia

baharu. Malaysia Baharu yang menawarkan hak mutlak setiap warganegara Malaysia dengan penjagaan kesihatan sejagat; pendidikan yang berasaskan pengetahuan dan nilai murni; pekerjaan yang bermakna dengan gaji yang setimpal; rumah yang selesa; kebebasan dari monopoli dan pencatutan; maruah diri yang dilengkapi dengan hak asasi dan penghormatan; masyarakat majmuk yang menyanjung prinsip keharmonian, saling bertolak ansur antara kaum dan agama, di mana anak cucu kita akan mendewasa bebas daripada keresahan sebaliknya dipenuhi dengan harapan dan peluang kejayaan.

224. Malaysia baharu adalah milik semua tanpa mengira umur, kaum, agama, latar belakang atau geografi. Dari Perlis hingga ke Sabah, marilah kita bersatu dan berganding bahu, meningkatkan usaha agar hasil dapat dikecapi bersama dengan sikap penyayang dan saling hormat-menghormati. Harapan inilah amanah kita. Bersama-samalah kita kukuhkan perpaduan dan integrasi nasional demi membina kehidupan yang lebih baik dan masa depan yang lebih cerah untuk anak-anak kita.

225. Tan Sri Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

**KEDUDUKAN HUTANG DAN PENDEDAHAN LIABILITI
(AKHIR JUN 2019)**

	RM bilion		Bahagian kepada KDNK (%)	
	2018	2019	2018	2019
Hutang Kerajaan Persekutuan	741.0	799.1	51.2	52.6
Komitmen Jaminan	132.7	157.3	9.2	10.4
1Malaysia Development Berhad	32.2	32.2	2.2	2.1
Liabiliti Lain (PPP, PFI & PBLT)	184.9	181.7	12.8	12.0
Jumlah	1,090.8	1,170.3	75.4	77.1

LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN

	LANGKAH CUKAI	MUKA SURAT
LAMPIRAN 1	: Kajian Semula Layanan Cukai Pendapatan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana	75
LAMPIRAN 2	: Kajian Semula Elaun Modal ke atas Aset Bernilai Kecil	76
LAMPIRAN 3	: Kajian Semula Layanan Cukai ke atas Perbelanjaan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai	77
LAMPIRAN 4	: Potongan Cukai ke atas Kos Penyenaraian di Bursa Malaysia	78
LAMPIRAN 5	: Pengecualian Cukai Pendapatan kepada Institusi atau Organisasi Keagamaan yang Berdaftar Sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan	79
LAMPIRAN 6	: Kajian Semula Kadar Cukai Pendapatan Individu Pemastautin	80
LAMPIRAN 7	: Peluasan Skop Pelepasan Cukai Pendapatan bagi Perbelanjaan Rawatan Perubatan	82
LAMPIRAN 8	: Peningkatan Had Pelepasan Cukai Pendapatan bagi Yuran yang Dibayar kepada Taman Asuhan atau Taman Didikan Kanak-Kanak	83
LAMPIRAN 9	: Rebat Cukai Pendapatan untuk Levi Pelepasan yang Dikenakan ke atas Penumpang Udara yang Meninggalkan Negara bagi Mengerjakan Umrah dan Ziarah ke Tempat Suci	84
LAMPIRAN 10	: Kajian Semula Layanan Cukai bagi Sumbangan kepada Aktiviti Kebajikan dan Sukan serta Projek Berkepentingan Nasional	85

	LANGKAH CUKAI	MUKA SURAT
LAMPIRAN 11	: Kajian Semula Layanan Cukai Keuntungan Harta Tanah	87
LAMPIRAN 12	: Pengecualian Duti Setem bagi Skim Sewa Untuk Memiliki	88
LAMPIRAN 13	: Remitan Duti Setem bagi Pindah Milik Harta Tanah Secara Kasih Sayang	90
LAMPIRAN 14	: Semakan Semula Duti Setem ke atas Perjanjian Pinjaman dalam Mata Wang Asing	91
LAMPIRAN 15	: Galakan Cukai Khas bagi Pelaburan Sektor Elektrikal dan Elektronik	92
LAMPIRAN 16	: Galakan Cukai bagi Pembangunan Harta Intelek	93
LAMPIRAN 17	: Kajian Semula Galakan Cukai Teknologi Hijau	94
LAMPIRAN 18	: Galakan Cukai untuk Pembelian Kenderaan Pelancongan	96
LAMPIRAN 19	: Galakan Cukai untuk Penganjuran Persidangan di Malaysia	97
LAMPIRAN 20	: Galakan Cukai untuk Penganjuran Aktiviti Kesenian, Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi di Malaysia	98
LAMPIRAN 21	: Kajian Semula Had Potongan Cukai bagi Penajaan Aktiviti Kesenian, Kebudayaan dan Warisan di Malaysia	99
LAMPIRAN 22	: Peluasan Skop Potongan Cukai ke atas Sumbangan bagi Projek Amal dan Komuniti	100
LAMPIRAN 23	: Peluasan Skop Galakan Cukai bagi Projek Pelancongan	101
LAMPIRAN 24	: Pengecualian Duti Hiburan bagi Persembahan Pentas	102

	LANGKAH CUKAI	MUKA SURAT
LAMPIRAN 25	: Kajian Semula Galakan Cukai bagi Automasi	104
LAMPIRAN 26	: Lanjutan Tempoh Galakan Cukai bagi Pelabur Mangkin	106
LAMPIRAN 27	: Lanjutan Tempoh Galakan Cukai bagi Modal Teroka	108
LAMPIRAN 28	: Peluasan Skop Galakan Cukai bagi Program <i>Internship</i> Berstruktur	110
LAMPIRAN 29	: Lanjutan Tempoh Galakan Cukai bagi Syarikat yang Menyertai Skim Latihan Dual Nasional	112
LAMPIRAN 30	: Lanjutan Tempoh Potongan Cukai ke atas Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang Dibayar oleh Majikan bagi Pihak Pkerjanya	113
LAMPIRAN 31	: Lanjutan Tempoh Galakan Cukai bagi Wanita yang Kembali Bekerja Selepas Berhenti Bekerja	114
LAMPIRAN 32	: Lanjutan Layanan Cukai bagi Amanah Pelaburan Harta Tanah	115
LAMPIRAN 33	: Lanjutan Tempoh Galakan Cukai bagi Penerbitan Sukuk Wakalah	116
LAMPIRAN 34	: Lanjutan Tempoh Galakan Cukai ke atas Penerbitan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	118
LAMPIRAN 35	: Lanjutan Tempoh Pengecualian Cukai ke atas Pendapatan Fi Pengurusan bagi Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab	119
LAMPIRAN 36	: Lanjutan Tempoh Pengecualian Cukai ke atas Pendapatan Perkhidmatan Pengurusan Dana Patuh Syariah	120

	LANGKAH CUKAI	MUKA SURAT
LAMPIRAN 37	: Kajian Semula Kadar Duti Eksport Minyak Sawit Mentah	121
LAMPIRAN 38	: Pengenalan Skim Pengeksport Utama Yang Diluluskan di bawah Akta Cukai Jualan 2018	123
LAMPIRAN 39	: Penambahbaikan ke atas Kemudahan <i>Group Relief</i> di bawah Cukai Perkhidmatan	125
LAMPIRAN 40	: Pengecualian Cukai Perkhidmatan ke atas Perkhidmatan Latihan dan Tunjuk Ajar yang Diberikan kepada Golongan Orang Kurang Upaya	126

**KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI PENDAPATAN
BAGI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta atau Perkongsian Liabiliti Terhad [*Limited Liability Partnership* (LLP)] dengan amaun sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta dikategorikan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 17% ke atas pendapatan bercukai sehingga RM500,000. Pendapatan bercukai selebihnya dikenakan cukai pendapatan pada kadar 24%.

Cadangan

Bagi terus menyokong pertumbuhan PKS dan memastikan kadar cukai pendapatan yang rendah ini memberi manfaat kepada PKS yang layak sahaja, dicadangkan:

- i. had pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar cukai 17% dinaikkan daripada sehingga RM500,000 kepada sehingga RM600,000; dan
- ii. syarikat dengan modal berbayar atau LLP dengan amaun sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta dan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta sahaja layak menikmati layanan cukai ini.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

**KAJIAN SEMULA ELAUN MODAL KE ATAS ASET
BERNILAI KECIL**

Kedudukan Semasa

Elaun modal ke atas Aset Bernilai Kecil [*Small Value Assets (SVA)*] yang bernilai tidak melebihi RM1,300 setiap satu dibenarkan dituntut sepenuhnya dengan had sehingga RM13,000 bagi setiap tahun taksiran. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) layak menuntut sepenuhnya elaun modal ke atas SVA tanpa sebarang had.

Cadangan

Bagi menambah baik layanan cukai berkaitan SVA, dicadangkan:

- i. nilai setiap aset dinaikkan daripada RM1,300 kepada RM2,000 bagi tujuan tuntutan elaun modal oleh syarikat PKS dan syarikat selain PKS; dan
- ii. had elaun modal yang layak dituntut oleh syarikat selain PKS dinaikkan daripada RM13,000 kepada RM20,000 bagi setiap tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

**KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI KE ATAS
PERBELANJAAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN
PEMFAILAN CUKAI**

Kedudukan Semasa

Mulai tahun taksiran 2015, perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai yang ditanggung oleh pembayar cukai dibenarkan potongan cukai seperti berikut:

- i. yuran kesetiausahaan sehingga RM5,000; dan
- ii. yuran pemfailan cukai sehingga RM10,000.

Cadangan

Bagi meningkatkan tahap pematuhan percukaian dan tadbir urus yang baik serta memberikan fleksibiliti kepada pembayar cukai, dicadangkan had potongan cukai ke atas perbelanjaan yuran kesetiausahaan dan yuran pemfailan cukai digabungkan dan dibenarkan sehingga RM15,000 bagi setiap tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

**POTONGAN CUKAI KE ATAS KOS PENYENARAIAAN
DI BURSA MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan yang dilakukan bagi menyenaraikan syarikat di Pasaran Utama (*Main Board*), Pasaran Access, *Certainty, Efficiency* (ACE) dan Pasaran *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* (LEAP) di Bursa Malaysia tidak layak menuntut sebagai potongan cukai.

Cadangan

Bagi membantu syarikat berasaskan teknologi dan Perusahaan Kecil dan Sederhana mengembangkan perniagaan dengan penambahan dana modal melalui penyenaraian di Pasaran ACE atau Pasaran LEAP, dicadangkan potongan cukai sehingga RM1.5 juta diberi ke atas perbelanjaan kos penyenaraian seperti berikut:

- i. *fees to authorities*;
- ii. *professional fees*; dan
- iii. *underwriting, placement and brokerage fees*.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2022.

**PENGECCUALIAN CUKAI PENDAPATAN
KEPADA INSTITUSI ATAU ORGANISASI KEAGAMAAN YANG
BERDAFTAR SEBAGAI SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN**

Kedudukan Semasa

Pengecualian cukai pendapatan diberi ke atas semua pendapatan institusi atau organisasi keagamaan yang ditubuhkan bagi tujuan penyembahan dan pengembangan agama dan berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia institusi atau organisasi berkenaan. Pengecualian tersebut tidak terpakai kepada institusi atau organisasi yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Cadangan

Bagi memberi layanan yang sama, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan ini diperluaskan kepada institusi atau organisasi keagamaan yang berdaftar sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan [*Company Limited By Guarantee (CLBG)*] dengan SSM. Pengecualian ini tertakluk kepada syarat pendapatan, keuntungan dan harta tanah yang diperolehi digunakan semata-mata untuk mencapai objektif penubuhan bagi tujuan penyembahan dan pengembangan agama dan tidak dikendalikan dengan tujuan keuntungan semata-mata.

Bagi tujuan pengecualian ini, CLBG perlu mengemukakan borang cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) setiap tahun dan mematuhi syarat lain yang ditetapkan oleh LHDNM.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi CLBG yang diluluskan oleh LHDNM mulai tahun taksiran 2020.

KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU PEMASTAUTIN

Kedudukan Semasa

Struktur cukai pendapatan bagi individu pemastautin mengguna pakai kadar cukai progresif antara 0% dan 28% ke atas pendapatan bercukai. Kadar cukai pendapatan yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018 adalah seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Semasa (%)
0 - 5,000	0
5,001 - 20,000	1
20,001 - 35,000	3
35,001 - 50,000	8
50,001 - 70,000	14
70,001 - 100,000	21
100,001 - 250,000	24
250,001 - 400,000	24.5
400,001 - 600,000	25
600,001 - 1,000,000	26
Melebihi 1,000,000	28

Individu bukan pemastautin dikenakan cukai pendapatan pada kadar tetap 28%.

Cadangan

Bagi memastikan struktur cukai pendapatan individu yang lebih progresif, dicadangkan banjaran pendapatan bercukai melebihi RM2,000,000 diperkenalkan dan kadar cukai pendapatan bagi individu pemastautin yang mempunyai pendapatan bercukai melebihi RM2,000,000 dinaikkan sebanyak 2 mata peratusan seperti berikut:

Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Baharu (%)
0 - 5,000	0
5,001 - 20,000	1
20,001 - 35,000	3
35,001 - 50,000	8
50,001 - 70,000	14
70,001 - 100,000	21
100,001 - 250,000	24
250,001 - 400,000	24.5
400,001 - 600,000	25
600,001 - 1,000,000	26
1,000,001 - 2,000,000	28
Melebihi 2,000,000	30

Kadar tetap cukai pendapatan bagi individu bukan pemastautin dinaikkan 2 mata peratusan daripada 28% kepada 30%.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

**PELUASAN SKOP PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN
BAGI PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN**

Kedudukan Semasa

Pelepasan cukai pendapatan sehingga RM6,000 diberi ke atas perbelanjaan rawatan perubatan untuk penyakit serius kepada pembayar cukai, pasangan dan anak. Pelepasan ini layak dituntut dengan pembuktian resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia. Pelepasan ini juga termasuk jumlah sehingga RM500 untuk perbelanjaan pemeriksaan kesihatan penuh.

Cadangan

Bagi mengurangkan beban kewangan bagi pasangan suami isteri yang mendapatkan rawatan kesuburan, dicadangkan skop pelepasan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan rawatan perubatan diperluaskan untuk meliputi kos menjalani rawatan kesuburan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

**PENINGKATAN HAD PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN
BAGI YURAN YANG DIBAYAR KEPADA TAMAN ASUHAN ATAU
TAMAN DIDIKAN KANAK-KANAK**

Kedudukan Semasa

Mulai tahun taksiran 2017, pelepasan cukai sehingga RM1,000 diberi kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak yang berumur sehingga 6 tahun ke taman asuhan atau taman didikan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelepasan ini boleh dituntut oleh salah seorang daripada ibu bapa kepada anak tersebut.

Cadangan

Bagi mengurangkan beban kewangan ibu bapa dalam menyediakan penjagaan dan pendidikan awal anak, dicadangkan had pelepasan cukai dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

**REBAT CUKAI PENDAPATAN UNTUK LEVI PELEPASAN
YANG DIKENAKAN KE ATAS PENUMPANG UDARA YANG
MENINGGALKAN NEGARA BAGI MENERJAKAN UMRAH DAN
ZIARAH KE TEMPAT SUCI**

Kedudukan Semasa

Levi pelepasan dikenakan kepada semua penumpang udara yang meninggalkan negara mulai 1 September 2019 seperti berikut:

Kelas Penerbangan	Destinasi / Kadar	
	ASEAN (RM)	Selain ASEAN (RM)
Ekonomi	8	20
Selain Ekonomi	50	150

Levi pelepasan bagi penumpang udara yang meninggalkan negara untuk menunaikan Haji ditanggung oleh Lembaga Tabung Haji. Walau bagaimanapun, levi pelepasan bagi penumpang udara yang meninggalkan negara untuk mengerjakan umrah dan ziarah ke tempat suci adalah atas tanggungan sendiri.

Cadangan

Mengambil kira umrah dan ziarah ke tempat suci adalah untuk tujuan keagamaan, dicadangkan rebat cukai pendapatan individu diberi bersamaan amaun levi pelepasan yang dibayar dan boleh dituntut dua kali seumur hidup. Rebate ini boleh dituntut dengan pembuktian *boarding pass* dan tertakluk kepada salah satu seperti berikut:

- i. visa umrah; atau
- ii. surat pengesahan ziarah ke tempat suci dari badan keagamaan yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2019.

**KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI BAGI SUMBANGAN
KEPADA AKTIVITI KEBAJIKAN DAN SUKAN SERTA PROJEK
BERKEPENTINGAN NASIONAL**

Kedudukan Semasa

Potongan cukai sehingga 7% daripada pendapatan agregat bagi pembayar cukai selain syarikat dan sehingga 10% daripada pendapatan agregat bagi syarikat diberi ke atas sumbangan tunai atau kos ke atas sumbangan barangan, di mana yang berkenaan, dibuat kepada:

- i. institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967;
- ii. aktiviti sukan yang diluluskan di bawah subseksyen 44(11B), ACP 1967; dan/atau
- iii. projek berkepentingan nasional yang diluluskan di bawah subseksyen 44(11C), ACP 1967.

Tiada layanan cukai khusus di bawah ACP 1967 diberi ke atas sumbangan wakaf dan endowmen dalam bentuk tunai.

Cadangan

Bagi terus memupuk budaya menderma di kalangan rakyat Malaysia, dicadangkan potongan cukai ke atas sumbangan kepada aktiviti kebajikan dan sukan serta projek berkepentingan nasional yang pada masa ini dihadkan pada 7% daripada pendapatan agregat bagi pembayar cukai selain syarikat dinaikkan dan diselaraskan kepada 10%.

Potongan cukai ini juga diperluas bagi meliputi sumbangan seperti berikut:

- i. sumbangan wakaf tunai kepada pihak berkuasa agama negeri atau badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama negeri untuk mentadbir wakaf;

- ii. sumbangan wakaf tunai kepada universiti awam yang diluluskan untuk menerima wakaf oleh pihak berkuasa agama negeri; dan
- iii. sumbangan endowmen dalam bentuk tunai kepada universiti awam.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH**Kedudukan Semasa**

Mulai 1 Januari 2019, kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) telah dinaikkan bagi pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah yang dibuat dalam tahun ke-6 dan seterusnya seperti berikut:

- i. bagi syarikat, individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 5% kepada 10%; dan
- ii. bagi selain syarikat dan selain individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 0% kepada 5%.

Pengecualian CKHT diberi kepada individu warganegara Malaysia yang melupuskan rumah kediaman kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik pada harga RM200,000 dan ke bawah pada tahun ke-6 dan seterusnya.

Bagi pemerolehan harta tanah sebelum tahun 2000, harga pasaran pada 1 Januari 2000 digunakan sebagai harga pemerolehan bagi pelupusan harta tanah yang tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian 1, Jadual 5, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Layanan cukai ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019.

Cadangan

Sebagai langkah penambahbaikan layanan pengenaan CKHT ke atas pelupusan harta tanah oleh warganegara Malaysia dan pemastautin tetap selepas tempoh 5 tahun dari tarikh pemerolehan, dicadangkan penetapan nilai pasaran pada 1 Januari 2000 bagi pemerolehan harta tanah sebelum tahun 2000 dipinda kepada nilai pasaran pada 1 Januari 2013 sebagai harga pemerolehan bagi pelupusan harta tanah yang diperoleh sebelum tahun 2013 untuk tujuan pengiraan CKHT.

Tarikh Kuat Kuasa


Bagi pelupusan harta tanah yang dibuat mulai 12 Oktober 2019.

PENGECUALIAN DUTI SETEM BAGI SKIM SEWA UNTUK MEMILIKI

Kedudukan Semasa

Skim Sewa Untuk Memiliki [*Rent-to-Own (RTO)*] merupakan skim pembiayaan alternatif bagi membantu pemilikan rumah kediaman di mana rumah disewakan dahulu oleh institusi kewangan dan seterusnya penyewa diberi pilihan untuk membeli rumah tersebut berdasarkan prinsip patuh Syariah iaitu *Ijarah Muntahia Bi Tamlik*.

Kaedah pelaksanaan skim RTO adalah seperti berikut:



Duti setem pada kadar *ad valorem* dikenakan ke atas surat cara pindah milik pada dua peringkat:

- i. pindah milik rumah kediaman daripada pemaju perumahan kepada institusi kewangan; dan
- ii. pindah milik rumah kediaman daripada institusi kewangan kepada pembeli.

Cadangan

Bagi membantu rakyat Malaysia mendapat kemudahan pembiayaan dari institusi kewangan bagi tujuan pemilikan rumah kediaman pertama melalui skim RTO yang dikendalikan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dicadangkan pengecualian duti setem sepenuhnya diberikan ke atas surat cara pindah milik bagi rumah kediaman pertama berharga sehingga RM500,000 bagi transaksi berikut:

- i. pindah milik rumah kediaman daripada pemaju perumahan kepada institusi kewangan; dan
- ii. pindah milik rumah kediaman daripada institusi kewangan kepada pembeli.

Pengecualian duti setem di atas adalah tertakluk kepada:

- i. institusi kewangan di bawah seliaan Bank Negara Malaysia (BNM) yang menyediakan pembiayaan perumahan di bawah skim RTO hendaklah mendapat kelulusan BNM; dan
- ii. pemaju perumahan yang bekerjasama dengan institusi kewangan yang menyediakan skim RTO hendaklah berdaftar dengan JPN, KPKT.

Tarikh Kuat Kuasa

- i. Pindah milik rumah kediaman daripada pemaju perumahan kepada institusi kewangan
Bagi SPA yang disempurnakan mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2022.
- ii. Pindah milik rumah kediaman daripada institusi kewangan kepada pembeli
Bagi perjanjian sewa milik yang disempurnakan mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2022.

**REMITAN DUTI SETEM
BAGI PINDAH MILIK HARTA TANAH SECARA KASIH SAYANG**

Kedudukan Semasa

Kadar duti setem bagi surat cara pindah milik harta tanah mulai 1 Januari 2019 adalah seperti berikut:

Banjaran Harga/Nilai Pasaran Harta Tanah (mengikut mana lebih tinggi)	Kadar Duti Setem
RM100,000 yang pertama	1%
RM100,001 hingga RM500,000	2%
RM500,001 hingga RM1,000,000	3%
RM1,000,001 dan seterusnya	4%

Bagi pindah milik harta tanah atas dasar kasih sayang antara ibu bapa kepada anak atau sebaliknya, duti setem yang diremitkan adalah sebanyak 50%. Remitan ini diberi kepada warganegara dan bukan warganegara.

Cadangan

Remitan duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara pindah milik harta tanah antara ibu bapa dan anak atau sebaliknya atas dasar kasih sayang dihadkan kepada warganegara Malaysia sahaja.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi surat cara pindah milik harta tanah yang disempurnakan mulai 1 Januari 2020.

**SEMAKAN SEMULA DUTI SETEM KE ATAS
PERJANJIAN PINJAMAN DALAM MATA WANG ASING**

Kedudukan Semasa

Perjanjian pinjaman konvensional dan patuh Syariah dalam mata wang asing dikenakan duti setem pada kadar *ad valorem* iaitu RM5 bagi setiap RM1,000 daripada jumlah pinjaman, namun duti setem maksimum yang dikenakan ke atas setiap perjanjian pinjaman tersebut adalah sebanyak RM500.

Cadangan

Duti setem maksimum ke atas perjanjian pinjaman dalam mata wang asing dinaikkan daripada RM500 kepada RM2,000.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi perjanjian pinjaman yang disempurnakan mulai 1 Januari 2020.

**GALAKAN CUKAI KHAS
BAGI PELABURAN SEKTOR ELEKTRIKAL DAN ELEKTRONIK**

Kedudukan Semasa

Syarikat elektrik dan elektronik (E&E) yang menjalankan aktiviti pengilangan layak dipertimbangkan galakan cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 serta layak menuntut Elaun Pelaburan Semula (EPS) untuk tempoh 15 tahun taksiran berturut-turut bagi perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi pemodenan, pelbagaian dan pembesaran. EPS Khas pula diberi mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018 kepada syarikat yang tamat tempoh kelayakan tuntutan EPS 15 tahun taksiran berturut-turut.

Cadangan

Bagi menggalakkan pelaburan berterusan di Malaysia, dicadangkan syarikat E&E yang tamat tempoh kelayakan tuntutan EPS 15 tahun taksiran berturut-turut diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 50% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 50% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021.

GALAKAN CUKAI BAGI PEMBANGUNAN HARTA INTELEK

Kedudukan Semasa

Galakan cukai bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah disediakan, antaranya:

- i. potongan dua kali ke atas perbelanjaan *in-house* R&D yang diluluskan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
- ii. potongan dua kali ke atas sumbangan kepada institut penyelidikan yang diluluskan atau perbelanjaan bagi perkhidmatan R&D yang diperolehi daripada institusi atau syarikat penyelidikan yang diluluskan;
- iii. potongan cukai bagi kos perolehan hak empunya;
- iv. pengecualian cukai pendapatan kepada syarikat yang mengkomersilkan penemuan R&D yang berasaskan sumber dan bukan sumber; dan
- v. pengecualian cukai pendapatan kepada syarikat kontrak R&D yang menyediakan perkhidmatan R&D.

Cadangan

Bagi menggalakkan lebih banyak aktiviti pembangunan harta intelek di Malaysia, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% untuk tempoh sehingga 10 tahun diberi ke atas pendapatan harta intelek daripada paten dan hak cipta perisian bagi aktiviti yang layak.

Bagi tujuan pengiraan pengecualian cukai pendapatan, *Modified Nexus Approach* akan diguna pakai bagi memastikan hanya pendapatan yang diperolehi daripada harta intelek yang dibangunkan di Malaysia layak diberikan galakan cukai ini.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2022.

KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI TEKNOLOGI HIJAU

Kedudukan Semasa

Mulai tahun 2014, galakan cukai bagi teknologi hijau disediakan seperti berikut:

i. *Green Investment Tax Allowance (GITA)*

Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak untuk tempoh sehingga 31 Disember 2020. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.

ii. *Green Income Tax Exemption (GITE)*

Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan hijau yang layak untuk tempoh sehingga tahun taksiran 2020.

Cadangan

Bagi terus meningkatkan pelaburan dalam tenaga boleh baharu, dicadangkan:

i. GITA

ECP sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun bagi aktiviti hijau yang layak. Elaun ini boleh ditolak 70% daripada pendapatan berkanun.

ii. GITE

a. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun bagi aktiviti perkhidmatan hijau yang layak dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun taksiran; dan

- b. Galakan cukai baharu bagi aktiviti *solar leasing* diperkenalkan dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh sehingga 10 tahun taksiran diberi kepada syarikat *solar leasing* yang diperakukan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari [*Sustainable Energy Development Authority (SEDA)*].

Tarikh Kuat Kuasa

- Bagi item (i) : Permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sehingga 31 Disember 2023.
- Bagi item (ii) : Permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2023.

**GALAKAN CUKAI UNTUK PEMBELIAN KENDERAAN
PELANCONGAN**

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan modal ke atas pembelian bas baharu layak menuntut Elaun Modal Dipercepatkan [*Accelerated Capital Allowance (ACA)*] di bawah Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Bas) 2008. ACA layak dituntut dalam tempoh satu tahun dengan elaun permulaan 20% dan elaun tahunan 80% dari tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2011.

Pengecualian duti eksais sebanyak 50% diberi kepada pengusaha pelancongan ke atas pembelian kenderaan pacuan empat roda (4WD) pemasangan tempatan mulai 2 September 2006.

Cadangan

Bagi menyokong Tahun Melawat Malaysia 2020, dicadangkan pengendali pelancongan berlesen diberi:

- i. ACA ke atas perbelanjaan yang dibuat bagi pembelian bas persiaran pemasangan tempatan baharu dengan elaun permulaan 20% dan elaun tahunan 40%. Elaun ini boleh dituntut sepenuhnya dalam tempoh 2 tahun taksiran; dan
- ii. pengecualian duti eksais sebanyak 50% ke atas pembelian kenderaan pemasangan tempatan baharu yang digunakan sebagai kenderaan pelancongan.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi item (i) : Mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021.

Bagi item (ii) : Permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021.

GALAKAN CUKAI UNTUK PENGANJURAN PERSIDANGAN DI MALAYSIA

Kedudukan Semasa

Syarikat, persatuan atau organisasi di Malaysia yang aktiviti utamanya adalah untuk mempromosi dan menganjur persidangan layak mendapat pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun tertakluk kepada syarat penganjur membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta asing setiap tahun.

Cadangan

Bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan penganjur persidangan bertaraf antarabangsa dan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun bagi menganjurkan persidangan diperluaskan kepada mana-mana entiti yang aktiviti utamanya selain daripada mempromosi dan menganjur persidangan dengan syarat penganjur membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta asing setiap tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2025.

**GALAKAN CUKAI UNTUK PENGANJURAN AKTIVITI KESENIAN,
KEBUDAYAAN, SUKAN DAN REKREASI DI MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Penganjuran aktiviti kesenian dan kebudayaan yang diluluskan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan Kementerian Belia dan Sukan diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun bagi penganjuran aktiviti yang diluluskan diberi kepada syarikat penganjur; dan
- ii. pengecualian daripada membayar cukai pendapatan diberi kepada warga asing yang menyertai aktiviti tersebut.

Galakan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 1999 hingga tahun taksiran 2000.

Cadangan

Bagi menggalakkan penganjuran aktiviti kesenian dan kebudayaan serta pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa terutamanya bagi menarik pelancong asing bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas pendapatan berkanun diberi kepada syarikat yang menganjurkan:

- i. aktiviti kesenian dan kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya; dan
- ii. pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2022.

**KAJIAN SEMULA HAD POTONGAN CUKAI BAGI PENAJAAN
AKTIVITI KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN
DI MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(k), Akta Cukai Pendapatan 1967 diberi kepada syarikat yang menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan dan asing yang diadakan di dalam negara serta diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Potongan cukai diberi ke atas perbelanjaan penajaan sehingga RM700,000 setahun, di mana potongan cukai bagi perbelanjaan menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan asing dihadkan sehingga RM300,000 setahun.

Cadangan

Bagi menggiatkan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan di dalam negara, dicadangkan had potongan cukai kepada syarikat yang menaja aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan dinaikkan sehingga RM1,000,000 setahun. Had potongan cukai bagi penajaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan warisan asing dikekalkan sehingga RM300,000 setahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

**PELUASAN SKOP POTONGAN CUKAI KE ATAS SUMBANGAN
BAGI PROJEK AMAL DAN KOMUNITI**

Kedudukan Semasa

Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam memberi sumbangan kepada projek amal atau komuniti, potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(h), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi penyediaan perkhidmatan, kemudahan awam, projek amal dan komuniti berkaitan pendidikan, kesihatan, perumahan, peningkatan pendapatan golongan miskin, infrastruktur serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Cadangan

Sebagai usaha berterusan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan sektor swasta dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat, dicadangkan potongan cukai di bawah subseksyen 34(6)(h), ACP 1967 diperluas bagi merangkumi:

- i. projek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar termasuk hutan, pulau, pantai dan taman negara; dan
- ii. projek penyenggaraan dan pemuliharaan bangunan warisan yang ditetapkan oleh Jabatan Warisan Negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020.

**PELUASAN SKOP GALAKAN CUKAI BAGI
PROJEK PELANCONGAN**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang membuat pelaburan baharu dan pelaburan semula dalam pembesaran dan pemodenan projek pelancongan termasuk taman tema, kem percutian, projek rekreasi dan pusat konvensyen layak dipertimbangkan galakan cukai seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh 5 tahun; atau
- ii. Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan, dicadangkan skop galakan cukai sedia ada diperluaskan kepada projek pelancongan bersepadu dan pelancongan sukan.

Selain itu, bagi merancakkan pelaburan dalam projek pelancongan, dicadangkan pelaburan baharu bagi taman tema antarabangsa diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh 5 tahun; atau
- ii. ECP sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia mulai 1 Januari 2020.

PENGECUALIAN DUTI HIBURAN BAGI PERSEMBAHAN PENTAS

Kedudukan Semasa

Pengecualian duti hiburan sepenuhnya diberi ke atas:

- i. persembahan dan pertunjukan pentas untuk tujuan amal;
- ii. persembahan dan pertunjukan pentas oleh artis luar negara yang bertaraf antarabangsa dan disahkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM);
- iii. pementasan, pameran, pesta dan pertandingan sukan yang bertaraf antarabangsa yang diadakan di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Istana Budaya, Balai Seni Lukis Negara dan Dewan Filharmonik Petronas;
- iv. pementasan oleh artis tempatan yang diadakan di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara;
- v. pertunjukan pentas oleh kumpulan teater yang diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan
- vi. persembahan kebudayaan dan kesenian oleh penggiat seni tempatan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Kadar duti hiburan 5% dikenakan bagi persembahan pentas yang melibatkan artis tempatan dan antarabangsa yang tidak diperaku oleh KKMM. Penetapan kadar 5% ini diberi melalui pengecualian kadar duti hiburan 20% yang dibuat melalui Perintah Duti Hiburan (Pengecualian) (No.24) 2006.

Cadangan

Bagi menggalakkan lebih banyak penganjuran persembahan pentas bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020, dicadangkan pengecualian duti hiburan sepenuhnya diberi ke atas tiket

masuk bagi persembahan pentas merangkumi konsert, nyanyian, muzik, tarian dan teater termasuk persembahan kebudayaan dan kesenian oleh artis tempatan dan antarabangsa yang diadakan di mana-mana tempat persembahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa tempatan yang berkenaan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020.

KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI BAGI AUTOMASI**Kedudukan Semasa**

Syarikat perkilangan yang membuat perbelanjaan modal yang layak ke atas kelengkapan automasi diberi galakan cukai seperti berikut:

- i. Kategori 1: Industri Berintensif Buruh (produk getah, plastik, kayu dan tekstil)

Elaun Modal Dipercepatkan [*Accelerated Capital Allowance (ACA)*] bagi kelengkapan automasi sebanyak 100% ke atas RM4 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan mulai tahun taksiran 2015 hingga tahun taksiran 2020 dan boleh diserap sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

- ii. Kategori 2: Industri selain Kategori 1

ACA bagi kelengkapan automasi sebanyak 100% ke atas RM2 juta pertama bagi perbelanjaan modal yang layak dilakukan mulai tahun taksiran 2015 hingga tahun taksiran 2020 dan boleh diserap sepenuhnya dalam tempoh 1 tahun.

Syarikat dalam kedua-dua kategori juga layak mendapat pengecualian cukai pendapatan bersamaan 100% ACA bagi kelengkapan automasi.

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mulai 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2020.

Cadangan

Untuk terus menggalakkan automasi serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan di dalam industri berintensif buruh, dicadangkan:

- i. tempoh insentif bagi Kategori 1 dan Kategori 2 dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun sehingga tahun taksiran 2023; dan
- ii. skop insentif untuk Kategori 2 diperluaskan kepada sektor perkhidmatan.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi item (i) : Permohonan yang diterima oleh MIDA sehingga 31 Disember 2023.

Bagi item (ii) : Permohonan yang diterima oleh MIDA mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2023.

LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI PELABUR MANGKIN

Kedudukan Semasa

Pelabur mangkin yang melabur dalam syarikat penerima pelaburan (*investee company*) dalam bentuk syer biasa layak mendapat pengecualian cukai bersamaan dengan amaun pelaburan. Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

- i. Pelabur Mangkin:
 - a. hendaklah merupakan individu yang bermastautin di Malaysia dan punca pendapatannya tidak diperoleh daripada pendapatan perniagaan sahaja;
 - b. hendaklah tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan syarikat penerima pelaburan;
 - c. tidak memegang lebih daripada 30% jumlah modal saham berbayar syarikat penerima pelaburan; dan
 - d. melabur semata-mata dengan tujuan untuk membiayai aktiviti syarikat penerima pelaburan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- ii. Syarikat Penerima Pelaburan:
 - a. diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan pemastautin di Malaysia;
 - b. sekurang-kurangnya 51% daripada modal saham biasa syarikat dimiliki oleh warganegara Malaysia; dan
 - c. menjalankan aktiviti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Galakan cukai ini layak bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan [*Ministry of Finance (MOF)*] mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020.

Cadangan

Bagi menarik lebih ramai pelabur mangkin untuk menyumbang kepada aktiviti ekonomi melalui pembiayaan modal dalam syarikat penerima pelaburan, dicadangkan tempoh permohonan galakan cukai bagi pelabur mangkin dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh MOF sehingga 31 Disember 2023.

LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI MODAL TEROKA

Kedudukan Semasa

Galakan cukai modal teroka yang ditambah baik mulai tahun 2018 adalah seperti berikut:

- i. Perbadanan Pengurusan Modal Teroka [*Venture Capital Management Corporations (VCMC)*]

Pengecualian cukai pendapatan meliputi fi pengurusan, fi prestasi dan pendapatan daripada bahagian keuntungan (perkongsian keuntungan) yang diterima atas pelaburan yang dibuat oleh Syarikat Modal Teroka.

- ii. Syarikat Modal Teroka [*Venture Capital Company (VCC)*]

Pengecualian cukai pendapatan diberi ke atas pendapatan berkanun daripada semua punca pendapatan tidak termasuk pendapatan faedah daripada simpanan atau simpanan tetap dan keuntungan daripada deposit patuh Syariah.

Pengecualian diberi untuk tempoh 5 tahun taksiran mulai tarikh pengesahan pertama oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia [*Securities Commission of Malaysia (SC)*] bagi pelaburan yang dibuat dalam Syarikat Teroka [*Venture Capital (VC)*]. VCC perlu berdaftar dengan SC dan perlu melabur sekurang-kurangnya 50% dananya di peringkat *early stage*, *seed* dan *start-up*. Baki 50% dibenarkan untuk dilaburkan di lain-lain peringkat pelaburan. VCC dan VC adalah bukan syarikat berkaitan.

- iii. Pelaburan dalam VCC

Syarikat atau individu dengan pendapatan perniagaan yang melabur ke dalam dana VCC yang diwujudkan

oleh VCMC diberi potongan cukai bersamaan amaun pelaburan yang dibuat dalam VCC terhad kepada maksimum RM20 juta setahun.

iv. Pelaburan dalam VC

Syarikat atau individu dengan pendapatan perniagaan yang membuat pelaburan dalam VC diberi potongan cukai bersamaan amaun pelaburan dalam VC.

Galakan cukai ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh SC mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019. Tempoh pelaburan yang layak adalah sehingga 31 Disember 2023.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pembiayaan alternatif melalui modal teroka, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 4 tahun. Tempoh pelaburan yang layak dilanjutkan sehingga 31 Disember 2026.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh SC sehingga 31 Disember 2023.

**PELUASAN SKOP GALAKAN CUKAI
BAGI PROGRAM INTERNSHIP BERSTRUKTUR**

Kedudukan Semasa

Potongan dua kali diberi ke atas perbelanjaan yang layak dilakukan oleh syarikat bagi melaksanakan Program *Internship* Berstruktur yang diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad seperti berikut:

Tempoh Pengecualian (Tahun Taksiran)	Tahap Akademik
2012 – 2016	Ijazah Sarjana Muda atau setaraf
2015 – 2016	Diperluaskan kepada: <ul style="list-style-type: none"> • Diploma • Vokasional - Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan 5
2017 – 2019	Dilanjutkan tempoh dan diperluaskan kepada: <ul style="list-style-type: none"> • Vokasional - Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3
2019 – 2021	Dilanjutkan tempoh dan dikhaskan kepada pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan program Vokasional (minimum SKM Tahap 3) dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi sahaja

Kelayakan pelajar dan syarat kepada syarikat yang menuntun galakan cukai ini adalah seperti berikut:

- i. pelajar adalah warganegara Malaysia;
- ii. pelajar hendaklah menamatkan program *internship* yang diluluskan sebelum selesai semester akhir;
- iii. tempoh minimum *internship* sekurang-kurangnya 10 minggu; dan
- iv. elaun bulanan sekurang-kurangnya RM500 bagi setiap pelajar.

Cadangan

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan menerusi pendedahan awal alam pekerjaan, dicadangkan galakan cukai sedia ada diperluaskan kepada pelajar dalam semua bidang akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma, Vokasional (DKM Tahap 4 dan 5) dan SKM Tahap 3 serta dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2021.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI SYARIKAT YANG
MENYERTAI SKIM LATIHAN DUAL NASIONAL**

Kedudukan Semasa

Potongan dua kali diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat yang menyertai Skim Latihan Dual Nasional bagi program *Industry4WRD* yang diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Galakan cukai ini diberi bagi program yang diluluskan mulai 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019.

Cadangan

Bagi terus meningkatkan kemahiran tenaga kerja yang *Industry4WRD-ready* serta seiring dengan keperluan industri, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi program yang diluluskan oleh KSM mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021.

**LANJUTAN TEMPOH POTONGAN CUKAI KE ATAS PINJAMAN
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL YANG
DIBAYAR OLEH MAJIKAN BAGI PIHAK PEKERJANYA**

Kedudukan Semasa

Bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang dibuat oleh majikan dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019 bagi pihak pekerja yang merupakan pekerja sepenuh masa layak mendapat potongan cukai. Jumlah bayaran balik pinjaman yang telah dibayar oleh majikan tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan pekerja (perkuisit) dan dikecualikan daripada cukai pendapatan individu.

Cadangan

Bagi menggalakkan lebih ramai majikan membuat bayaran balik pinjaman PTPTN bagi pihak pekerja, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 2 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi bayaran balik yang dibuat mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI WANITA
YANG KEMBALI BEKERJA SELEPAS BERHENTI BEKERJA**

Kedudukan Semasa

Pengecualian cukai pendapatan diberi ke atas pendapatan penggajian untuk tempoh maksimum 12 bulan berturut-turut yang diterima oleh wanita yang kembali bekerja selepas berhenti bekerja (*career break*). Pengecualian cukai pendapatan ini layak dituntut dalam tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020.

Galakan cukai ini layak bagi permohonan yang diterima oleh Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) mulai 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2019.

Cadangan

Bagi menggalakkan lebih ramai wanita yang berada dalam *career break* supaya kembali bekerja semula, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 4 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Bagi permohonan yang diterima oleh TalentCorp mulai 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2023.

**LANJUTAN LAYANAN CUKAI BAGI AMANAH PELABURAN
HARTA TANAH**

Kedudukan Semasa

Pelabur Amanah Pelaburan Harta Tanah [*Real Estate Investment Trusts (REITs)*] tertakluk kepada layanan cukai berikut:

- i. pelabur syarikat pemastautin yang menerima agihan keuntungan daripada REITs yang tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan kadar cukai korporat semasa;
- ii. pelabur syarikat bukan pemastautin yang menerima agihan keuntungan daripada REITs yang tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad pada kadar bersamaan cukai korporat semasa;
- iii. pelabur institusi asing khususnya dana pencen dan dana pelaburan berkumpulan yang menerima agihan keuntungan daripada REITs yang tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad pada kadar 10% mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2019; dan
- iv. pelabur bukan syarikat termasuk individu pemastautin dan bukan pemastautin serta entiti tempatan selainnya yang menerima agihan keuntungan daripada REITs yang tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad pada kadar 10% mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2019.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pembangunan REITs di Malaysia, dicadangkan layanan cukai sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 6 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2025.

LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI BAGI PENERBITAN SUKUK WAKALAH

Kedudukan Semasa

Perbelanjaan yang dilakukan bagi menerbitkan Sukuk di bawah prinsip Ijarah dan Wakalah layak menuntut potongan cukai pendapatan. Potongan cukai tambahan juga layak dituntut ke atas kos tambahan bagi penerbitan Sukuk di bawah prinsip Ijarah dan Wakalah seperti berikut:

- i. fi profesional berhubung dengan usaha wajar, mendraf dan penyediaan prospektus;
- ii. fi pendaftaran prospektus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- iii. fi pemprosesan dan fi penyenaiaan awal Bursa Malaysia;
- iv. fi pengkreditan terbitan baharu Bursa Malaysia;
- v. fi pengagihan utama;
- vi. kos percetakan prospektus; dan
- vii. kos pengiklanan prospektus.

Galakan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2020.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan penerbitan Sukuk di bawah prinsip Wakalah, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 5 tahun seperti berikut:

- i. potongan cukai bagi kos penerbitan Sukuk di bawah prinsip Wakalah; dan

- ii. potongan cukai tambahan bagi kos tambahan penerbitan Sukuk di bawah prinsip Wakalah.

Potongan cukai bagi kos penerbitan dan potongan cukai tambahan bagi kos tambahan penerbitan Sukuk di bawah prinsip Ijarah layak dituntut sehingga tahun taksiran 2020.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2025.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN CUKAI KE ATAS PENERBITAN
SUKUK PELABURAN MAMPAN DAN BERTANGGUNGJAWAB**

Kedudukan Semasa

Potongan cukai diberi ke atas kos penerbitan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab [*Sustainable and Responsible Investments (SRI)*] yang diluluskan atau dibenarkan atau diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sukuk SRI merujuk kepada pembiayaan projek yang mempunyai objektif berikut:

- i. memelihara dan melindungi alam sekitar dan sumber asli;
- ii. menjimatkan penggunaan tenaga;
- iii. menggalakkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui;
- iv. mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau; atau
- v. memperbaiki kualiti hidup masyarakat.

Galakan cukai ini diberi mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2020.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan penerbitan Sukuk SRI, dicadangkan galakan cukai sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2023.

**LANJUTAN TEMPOH PENGECCUALIAN CUKAI KE ATAS
PENDAPATAN FI PENGURUSAN BAGI DANA PELABURAN
MAMPAN DAN BERTANGGUNGJAWAB**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab [*Sustainable and Responsible Investments (SRI)*] konvensional dan patuh Syariah kepada pelabur tempatan, pelabur asing dan pelabur amanah perniagaan atau Amanah Pelaburan Harta Tanah [*Real Estate Investment Trusts (REITs)*] di Malaysia yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan fi pengurusan bagi mengurus dana SRI konvensional dan SRI patuh Syariah.

Galakan cukai ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun taksiran 2020.

Cadangan

Bagi terus mempromosikan perkhidmatan pengurusan dana SRI, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2023.

**LANJUTAN TEMPOH PENGECCUALIAN CUKAI KE ATAS
PENDAPATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN
DANA PATUH SYARIAH**

Kedudukan Semasa

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan dana patuh Syariah yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, diberi pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berikut:

- i. pendapatan berkanun daripada perniagaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur asing di Malaysia. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 hingga tahun taksiran 2020;
- ii. pendapatan berkanun daripada perniagaan perkhidmatan pengurusan dana kepada pelabur tempatan di Malaysia. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2020; dan
- iii. pendapatan berkanun daripada perniagaan perkhidmatan pengurusan dana kepada amanah perniagaan atau amanah pelaburan harta tanah di Malaysia. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2014 hingga tahun taksiran 2020.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan perkhidmatan pengurusan dana patuh Syariah, dicadangkan pengecualian cukai pendapatan sedia ada dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2023.

**KAJIAN SEMULA KADAR DUTI EKSPORT
MINYAK SAWIT MENTAH**

Kedudukan Semasa

Mulai 1 Januari 2013, kadar duti eksport ke atas *Crude Palm Oil* (CPO) setelah mengambil kira pengecualian duti eksport sebahagian adalah seperti berikut:

Harga Pasaran CPO (FOB RM/tan)	Kadar Duti Eksport Semasa (%)
< 2,250	NIL
2,250 – 2,400	4.5
2,401 – 2,550	5.0
2,551 – 2,700	5.5
2,701 – 2,850	6.0
2,851 – 3,000	6.5
3,001 – 3,150	7.0
3,151 – 3,300	7.5
3,301 – 3,450	8.0
> 3,450	8.5

Cadangan

Kadar duti eksport ke atas CPO setelah mengambil kira pengecualian duti eksport sebahagian dikaji semula seperti berikut:

Harga Pasaran CPO (FOB RM/tan)	Kadar Duti Eksport Baharu (%)
< 2,250	NIL
2,250 – 2,400	3.0
2,401 – 2,550	4.5
2,551 – 2,700	5.0
2,701 – 2,850	5.5
2,851 – 3,000	6.0
3,001 – 3,150	6.5
3,151 – 3,300	7.0
3,301 – 3,450	7.5
> 3,450	8.0

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2020.

**PENGENALAN SKIM PENGEKSPORT UTAMA YANG DILULUSKAN
DI BAWAH AKTA CUKAI JUALAN 2018****Kedudukan Semasa**

Seksyen 40, Akta Cukai Jualan 2018 telah memperuntukkan kemudahan pulang balik di mana Ketua Pengarah Kastam boleh membuat bayaran balik amaun cukai jualan yang telah dibayar ke atas pengimportan atau pembelian barang yang kemudiannya dieksport.

Butiran 4, Jadual B, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 mengecualikan pengilang yang membeli bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan untuk pengilangan barang tidak bercukai bagi tujuan eksport.

Bagi menikmati kemudahan di atas, syarikat pedagang atau pengilang barang siap yang tidak bercukai hendaklah menentukan lebih awal kuantiti barang diimport atau dibeli yang kemudiannya dieksport atau dijual di pasaran tempatan, dan barang yang diimport bagi tujuan eksport tidak boleh dijual di pasaran tempatan atau dibawa masuk semula ke dalam Kawasan Utama Kastam.

Cadangan

Bagi menambahbaik kemudahan pulang balik dan pengecualian sedia ada serta mengekalkan daya saing syarikat berorientasikan eksport di Malaysia, dicadangkan Skim Pengeksport Utama Yang Diluluskan diperkenalkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Melalui skim ini, syarikat pedagang atau pengilang barang siap yang tidak bercukai:

- i. layak diberi pengecualian cukai jualan sepenuhnya ke atas pengimportan dan pembelian barang atau bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan; dan
- ii. tidak perlu menentukan kuantiti barang yang akan dieksport pada masa pengimportan atau pembelian.

Cukai jualan hendaklah dibayar ke atas:

- i. bahagian barang dagangan atau barang siap tidak bercukai yang tidak dieksport atau dijual di pasaran tempatan, berdasarkan kepada formula yang ditetapkan; dan
- ii. baki atau sisa bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan yang digunakan untuk aktiviti pengilangan barang tidak bercukai yang dilupus atau dijual di pasaran tempatan.

Syarikat pedagang atau pengilang barang siap yang tidak bercukai layak menyertai skim ini tertakluk kepada syarat hendaklah sekurang-kurangnya mengeksport 80% daripada jualan tahunan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Julai 2020.

PENAMBAHBAIKAN KE ATAS KEMUDAHAN GROUP RELIEF DI BAWAH CUKAI PERKHIDMATAN

Kedudukan Semasa

Kemudahan *group relief* telah disediakan di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Melalui kemudahan tersebut, perkhidmatan bercukai di bawah kumpulan profesional (selain daripada perkhidmatan pekerjaan dan perkhidmatan keselamatan) yang diberikan oleh sebuah syarikat kepada syarikat lain di dalam kumpulan syarikat yang sama adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Kemudahan ini turut diperluaskan ke atas pengimportan perkhidmatan bercukai di bawah kumpulan profesional daripada syarikat lain di dalam kumpulan syarikat yang sama di luar Malaysia.

Peraturan ini turut menetapkan bahawa kemudahan *group relief* ini tidak dibenarkan sekiranya syarikat di dalam kumpulan yang sama memberikan perkhidmatan bercukai tersebut kepada pihak ketiga yang bukan merupakan syarikat di dalam kumpulan syarikat yang sama.

Cadangan

Kemudahan *group relief* dibenarkan bagi perkhidmatan bercukai di bawah kumpulan profesional yang diberikan kepada pihak ketiga yang bukan merupakan syarikat di dalam kumpulan syarikat yang sama. Kemudahan ini tertakluk kepada syarat di mana nilai perkhidmatan yang disediakan kepada pihak ketiga tersebut tidak melebihi 5% daripada keseluruhan nilai perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat berkenaan dalam tempoh 12 bulan.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2020.

**PENGEQUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN
KE ATAS PERKHIDMATAN LATIHAN DAN TUNJUK AJAR YANG
DIBERIKAN KEPADA GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA**

Kedudukan Semasa

Mulai 1 Januari 2019, perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar telah dikategorikan sebagai perkhidmatan bercukai di dalam Butiran 7, Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar ini tertakluk kepada kenaan cukai perkhidmatan 6% kecuali perkhidmatan yang disediakan oleh:

- i. syarikat penyelidikan & kemajuan dan syarikat penyelidikan & kemajuan kontrak di bawah Seksyen 2, Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- ii. institut penyelidikan yang diluluskan di bawah Seksyen 34B, Akta Cukai Pendapatan 1967; atau
- iii. Kerajaan Persekutuan atau Negeri, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun.

Cadangan

Pengecualian cukai perkhidmatan diberikan ke atas perkhidmatan latihan dan tunjuk ajar kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran, penglihatan, fizikal, pertuturan, mental dan pembelajaran yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan seperti berikut:

- i. pusat latihan dan tunjuk ajar yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Kebajikan Masyarakat; atau
- ii. pusat latihan dan tunjuk ajar yang diiktiraf oleh mana-mana persatuan kebangsaan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Tarikh Kuat Kuasa

Mulai 1 Januari 2020.

ISSN 2682-9207



9 772682 920006